

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَنَارِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

WAN AIDA BINTI WAN YAHAYA

KETUA UNIT KUALITI :

HEMA ZULAIKA BINTI HASHIM

PENYELARAS :

NUR NAFISHAH BINTI AZMI

PENULIS :

1. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
2. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
3. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
4. NORASYURA BINTI ABDUL AZIZ
5. NORHASLIZAWATI BINTI OTHMAN
6. JANETTE JANNAH BINTI POHENG
7. MOHD YUSRI BIN HAMID

8. HEMA ZULAIKA BINTI HASHIM
9. SITI HUMAIRA BINTI RAMLI
10. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
11. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
12. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
13. ANIS IDAYU BINTI SAPIE
14. SHAMSIAH BT SHAMSUDIN
15. ABDUL WALID BIN ALI
16. NATRINA MARIANE P. TOYONG
17. NATRINA MARIANE P. TOYONG
18. NIK SYAHIDA BINTI SABRI
19. NIK SYAHIDA BINTI SABRI
20. SYED MOHD FAISAL BIN SYED AHMAD
21. SAFRINA MUHAMMAD AZMI
22. PRINSES SALIANG
23. PRINSES SALIANG
24. PRINSES SALIANG
25. NOR AZLIN BINTI HAMIDON
26. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
27. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
28. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
29. NORASYURA BINTI ABDUL AZIZ
30. NATRINA MARIANE P. TOYONG
31. NATRINA MARIANE P. TOYONG
32. NUR NAFISHAH BINTI AZMI
33. NUR NAFISHAH BINTI AZMI
34. NUR NAFISHAH BINTI AZMI
35. NUR NAFISHAH BINTI AZMI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan merupakan elemen penting yang akan menentukan kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi. Kepimpinan sesebuah organisasi memerlukan individu yang ada kepakaran dalam mengurus dan kemahiran teknikal tertentu bagi menggerakkan warga kerja melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan bersama-sama dalam mencapai misi dan visi organisasi. Pengurusan Kanan Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) merupakan pengurusan kepimpinan tingkat tertinggi yang akan menentukan hala tuju dan strategi serta matlamat KPSK. Pengurusan Kanan KPSK terdiri daripada penyandang bagi jawatan berikut :

1. Penolong Naib Canselor
2. Dekan (Akademik & Antarabangsa, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan & Inovasi, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)
3. Ketua Pentadbiran
4. Ketua Kualiti
5. Ketua Kewangan

Bagi melancarkan pentadbiran dan pengurusan Kolej Pengajian, Pengurusan Kanan dikukuhkan lagi dengan pelantikan tujuh (7) orang Ketua Pengajian, 2 orang Ketua HEP, seorang Ketua RIG (Penyelidikan), seorang Ketua Business Development Unit (BDU).

Dalam memastikan perancangan hala tuju dan prestasi KPSK, pengurusan kanan KPSK telah menetapkan dokumen berikut sebagai rujukan utama :

1. CCA Operation Excellence
2. Konvensyen Hala Tuju KPSK
3. Sesi Bersama PNC KPSK
4. Pemetaan Performance Indicator (PI) khususnya 10 PI bidang tumpuan dengan aktiviti Strategic Action Plan yang memberi impak kepada prestasi dan pencapaian KPSK setiap tahun.

Perancangan dan pelaksanaan aktiviti dan perancangan strategik KPSK tahun 2022 dilaksana dan dipantau secara berterusan melalui pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK), Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar dan mesyuarat peringkat jabatan. Pengurusan Kanan KPSK juga komited dalam memastikan penglibatan semua warga KPSK dalam aktiviti dipelbagai peringkat penyertaan bagi meningkatkan prestasi pencapaian dan ketampakan KPSK di peringkat universiti, kebangsaan dan negara.

Keberkesanan dan kepelbagaian sumber komunikasi menjadi kekuatan dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan di KPSK dapat menghasilkan impak kepada prestasi KPSK dan UiTM khususnya. Komunikasi dua hala yang berkualiti dan pengoptimuman teknologi maklumat dan media sosial memberi peluang kepada perkongsian maklumat, buah fikiran dan penghargaan kepada semua warga KPSK.

Pelajar yang menjadi fokus bidang tumpuan juga diberi peluang dalam memperkasakan penglibatan dan pembangunan sendiri pelajar bagi menghasilkan pelajar dan graduan yang berkualiti dan mempunyai nilai kebolehpasaran graduan yang tinggi. Bagi tahun 2022, 196 program pelajar telah dilaksanakan melibatkan program kepimpinan, pembangunan pelajar, kesukarelawanan, sukan dan kebudayaan dan juga program berasaskan keperluan akademik dan pengajian pelajar.

Bagi memastikan aktiviti dan pelaksanaan program yang memberi impak dan hasil kepada prestasi pencapaian bukan sahaja kepada setiap warga KPSK secara individu malah kepada pencapaian kolej secara keseluruhan, pemantauan secara berterusan dilaksanakan oleh pengurusan kanan KPSK. Pelaporan aktiviti dan prestasi pencapaian PI direkod dan dipantau oleh pengurusan KPSK melalui mesyuarat utama kolej pengajian; Mesyuarat Jawatankuasa

EKekuit Kolej Pengajian (JKK), Mesyuarat Tabung Amanan Pelajar KPSK.

Seterusnya, pengurusan kanan KPSK secara berterusan menyokong penuh penambahbaikan yang dilaksanakan bagi memastikan aktiviti dan program yang dijalankan memenuhi objektif program. Pelaksanaan program dan aktiviti KPSK menggalakkan penglibatan dan sinergi pelajar dan staf dari pelbagai program dan pengajian serta kerjasama bersama pihak industri bagi menghasilkan output serta hasil program yang berkualiti dan memberi impak kepada prestasi KPSK secara keseluruhannya.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

1. Pelantikan Pentadbir Akademik Secara Berfokus

Pengurusan Hal Ehwal Pelajar di KPSK diketuai oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dengan dibantu oleh dua (2) orang Ketua, dua (2) orang Koordinator serta lima (5) orang Penyelaras yang telah dilantik secara berfokus dalam menguruskan bidang tumpuan.

Dekan Hal Ehwal Pelajar juga telah diberikan penurunan kuasa oleh Pengurusan untuk membantu melancarkan proses pembuatan keputusan dan operasi bidang tumpuan.

Pengurusan KPSK juga telah memutuskan untuk menempatkan Pejabat Dekan Hal Ehwal Pelajar di Kampus UiTM Puncak Perdana bagi memastikan pengurusan hal ehwal pelajar dapat dimaksimumkan berikutan kampus Puncak Perdana memiliki jumlah pelajar teramai iaitu 2,425 pelajar ataupun 44% dari jumlah keseluruhan pelajar KPSK di Selangor. Keputusan ini adalah hasil daripada perbincangan dan maklumbalas yang diterima oleh Jawatankuasa PROTEMP KPSK dalam mesyuarat-mesyuarat sebelum pembentukan KPSK.

2. Keberkesanan dan Kepelbagaian Sumber Komunikasi

Pengurusan KPSK telah berusaha meningkatkan komunikasi dua hala bagi tujuan penyebaran maklumat serta mendapatkan maklumbalas termasuk bidang tumpuan secara lebih inklusif kepada semua staf, pelajar dan semua pemegang taruh.

Selain itu, komunikasi secara bersemuka bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Sekretariat Mahasiswa (SMF) dan Pengurusan Kelab/Persatuan Dalaman KPSK telah diadakan pada setiap semester bagi membincangkan isu berkaitan bidang tumpuan dengan lebih telus.

Penggunaan aplikasi media sosial seperti telegram, Instagram dan whatapps turut telah dipraktikkan bagi menyebarkan maklumat dengan lebih pantas dan berkesan.

3. Memperkasakan Penglibatan Pelajar

Pengurusan KPSK telah memperkasakan penglibatan pelajar dalam bidang tumpuan melalui pelantikan wakil pelajar menganggotai Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (TAP) KPSK yang telah diberikan akauntabiliti bagi meluluskan permohonan penganjuran dan peruntukan aktiviti pelajar.

Beberapa program juga telah ditugaskan sepenuhnya kepada para pelajar untuk dijayakan dengan pemantauan yang minimum dari Pengurusan KPSK antaranya:

1. Kursus Pemerdayaan Organisasi Kepimpinan Mahasiswa
2. CCA E-Sport
3. Sinergi KPSK
4. Hey Raya Hey Babe

Kesemua program berkenaan telah dianjurkan dengan jayanya dengan memenuhi semua objektif yang ditetapkan.

4. Penetapan Bidang Tumpuan dalam Perancangan Strategik KPSK

Pengurusan KPSK telah mengambil langkah utama dengan menyenaraikan bidang tumpuan sebagai salah satu agenda utama untuk dicapai oleh KPSK melalui:

- a. Penetapan fokus bidang tumpuan melalui fokus *Quality Education Focus Area: Well Ballance Graduate* yang terkandung dalam *CCA Operation Excellence* dan telah dilancarkan sendiri oleh PNC KPSK.
- b. Pengurusan KPSK telah memetakan 10 PI berkaitan bidang tumpuan iaitu PI027, PI028, PI029, PI030, PI031, PI032, PI033, PI036, PI037 dan PI038 dengan sembilan (9) daripada 10 PI dan telah berjaya mencapai 100% sasaran seperti yang ditetapkan dalam perancangan *CCA Strategic Planning*.

c. Menyeneraikan tiga (3) isu berkaitan bidang tumpuan dalam Daftar Risiko KPSK tahun 2022 bagi tujuan pemantauan risiko.

Pemantauan status pencapaian bidang tumpuan telah dilaporkan dan dipantau dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK) serta mesyuarat lain yang difikirkan sesuai pada waktu itu.

5. Perlantikan Tiga (3) Koordinator MASMED KPSK

Bagi mencapai sasaran 10% graduan KPSK mampu bersaing di peringkat tempatan dan global sebagai usahawan, persetujuan khusus bersama PNC MASMED UiTM telah diperolehi untuk melantik tiga (3) Koordinator MASMED bagi mengerakkan/memantau aktiviti keusahawanan di KPSK.

SENARAI BUKTI:

1. [F0035_K01_KB02_20251_Bukti 1.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_K01_KB02_20252_Bukti 1.2 Pendekatan.pdf](#)
3. [F0035_K01_KB02_20253_Bukti 1.3 Perluasan.pdf](#)
4. [F0035_K01_KB02_20254_Bukti 1.4 Pemantauan_Kenalpasti Risiko_Kaji Semula.pdf](#)
5. [F0035_K01_KB02_20255_Bukti 1.5 Integrasi.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1. Peningkatan Kebolehan dan Keterampilan Pelajar

Pengurusan KPSK percaya para pelajar sebagai pemimpin negara pada masa hadapan perlu dimantapkan dengan pendedahan secara berterusan kepada ilmu pengurusan, kepimpinan, latihan dan melalui penyertaan dalam pertandingan di pelbagai peringkat antaranya:

- i. Kursus Pemerkaasan Organisasi Kepimpinan (KPO) Mahasiswa Kolej Pengajian Seni Kreatif
- ii. *International Mask Festival (IMF)*
- iii. *ACP Championship Malaysia 2022*
- iv. *UiTM Degree Fashion Show 2022*
- v. *Global Network for Higher Music, Dance, and Performing Arts Education (GIOMUS) Camp*
- vi. Pertandingan *Grand Finals International Music Competition Malaysia 2022*
- vii. *Honor Talents 2022 Global Design Awards*
- viii. *11th International Pablo (Pau) Casals Choir Competition & Festival*
- ix. Festival Filem Anak Muda 2022

Sepanjang tahun 2022 sejumlah 196 aktiviti pelajar telah diadakan melibatkan program kepimpinan, pembangunan diri, kesukarelawan/SULAM dan sukan dan kebudayaan. Semua program terbabit telah mendapat sokongan padu dari pihak Pengurusan HEP dan Pusat Pengajian KPSK.

2. Penyampaian Maklumat Pencapaian Bidang Tumpuan

Pengurusan KPSK telah menyebarkan maklumat berkaitan penganjuran aktiviti, pencapaian, kejayaan, anugerah diterima oleh pelajar samada secara bersemuka mahupun melalui penggunaan media sosial/atas talian kepada semua staf, pelajar dan pemegang taruh antaranya:

- i. Sesi Bersama PNC KPSK
- ii. Laman sesawang rasmi KPSK
- iii. Laman sesawang HEP KPSK sebagai *stop centre* kepada pelajar
- iv. Aplikasi media sosial iaitu Facebook, Instagram, Twitter, CCAUiTM Youtube Channel
- v. Siaran media di Media Cetak dan Elektronik

Hebahan kejayaan penganjuran program dan pencapaian pelajar yang terlibat telah memberikan inspirasi kepada semua pelajar untuk terus mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Selain itu, persepsi masyarakat dapat dipertingkatkan untuk melihat potensi industri seni kreatif yang semakin luas.

3. Penjalinan Program Bersama Industri dan Masyarakat

Pengurusan KPSK juga telah giat menjalinkan hubungan yang erat bersama pihak industri, universiti, agensi kerajaan, NGO, badan profesional dan masyarakat melalui MoU yang melibatkan penganjuran program atau aktiviti bidang tumpuan. Usaha ini untuk mencapai strategi serampang dua (2) mata iaitu:

- i. Memberi peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari disamping mengasah aspek kepimpinan dan pembangunan diri pelajar.

ii. Sebagai usaha mempromosi/memperkenalkan kebolehan pelajar KPSK kepada industri dan masyarakat dalam dan luar negara.

Sepanjang tahun 2022, Pengurusan KPSK telah berjaya menandatangani 32 dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan 1 Memorandum Perjanjian (MoA) bersama pemain utama dalam industri kreatif dan institusi pendidikan tinggi dalam mahupun luar negara.

4. Menyemai Minda Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar

Pengurusan KPSK melalui Koordinator Keusahawanan (MASMED) telah merangka dan menjalankan aktiviti bagi menyemai nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar untuk mencapai sasaran 10% graduan yang mampu bersaing di peringkat tempatan dan global sebagai usahawan. Antara inisiatif dan aktiviti yang telah dilaksanakan:

- i. Penubuhan inkubator keusahawanan dan penggubalan garis panduan inkubator KPSK
- ii. Karnival keusahawanan antaranya Program *La Preneur* dan Program *Artprepreneur Event*
- iii. Aktiviti jualan semasa aktiviti pelajar

Pengurusan KPSK juga telah mengambil tindakan pro-aktif dengan berjaya mendapat kelulusan khas Penolong Naib Canselor MASMED untuk bersetuju melantik tiga (3) Koordinator MASMED di KPSK bagi memacu bidang tumpuan di tiga (3) kampus KPSK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_K01_KB03_20251_Bukti 1.3 Perluasan.pdf](#)
2. [F0035_K01_KB03_20252_Bukti 1.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
3. [F0035_K01_KB03_20253_Bukti 1.3 Perluasan 3.pdf](#)
4. [F0035_K01_KB03_20254_Bukti 1.3. Perluasan Hasil LOCUS 2024.pdf](#)
5. [F0035_K01_KB03_20255_Bukti 1.3 Perluasan 5.pdf](#)
- 6.
- 7.
- 8.
- 9.
- 10.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan kanan KPSK komited dalam memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar KPSK memenuhi aspirasi dan pemetaan strategik yang telah digarapkan oleh KPSK bagi mendokong tema dan teras strategik GRU UiTM2025. KPSK melalui dokumen CCA Pengoperasian Kolej Pengajian Seni Kreatif yang telah disediakan pada tahun 2022, telah menetapkan fokus strategik HEP KPSK adalah Memperkukuhkan Kebolehpasaran Graduan.

Matlamat aktiviti pelajar KPSK bagi tahun 2022 adalah dipetakan kepada beberapa dokumen dan rujukan seperti berikut :

1. Pelan Strategik UiTM GRU2025
2. Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator(PI)*) UiTM
3. *CCA Operation Excellence*
4. Resolusi Konvensyen Hala Tuju Kolej Pengajian Seni Kreatif

Dalam memastikan pelaksanaan inisiatif melibatkan aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar mengikut keperluan program dan universiti, pengurusan kanan melalui HEP KPSK melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas penganjuran aktiviti pelajar KPSK.

Setiap tahun pelbagai aktiviti pelajar telah direkodkan di mana 189 aktiviti adalah melibatkan penganjuran bagi memenuhi keperluan aktiviti pengajian yang telah dipetakan dengan PI di bawah HEP. Empat (4) kategori program aktiviti pelajar adalah seperti berikut :

1. Program Kepimpinan : 3
2. Program Pembangunan : 9
3. Program Kesukarelawanan / SULAM : 15
4. Program Sukan dan Kebudayaan : 2

Pemantauan pelaksanaan aktiviti HEP dilaksanakan melalui kaedah berikut :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pengurusan Pelajar
2. Penghantaran laporan aktiviti
3. Perbincangan pengurusan HEP bersama Koordinator Bidang/Pensyarah Program atau Penasihat persatuan pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0035_K01_KB04_KC01_20251_Bukti 1.4 Pemantauan_Kenalpasti Risiko_Kaji Semula.pdf](#)
2. [F0035_K01_KB04_KC01_20252_Bukti 1.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
3. [F0035_K01_KB04_KC01_20253_Bukti 1.4 Daftar Risiko.pdf](#)
4. [F0035_K01_KB04_KC01_20254_Bukti 1.4 Pemantauan Pelaporan program pelajar.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan KPSK sentiasa memastikan pelaksanaan aktiviti peringkat program dilaksanakan mengikut keperluan berdasarkan objektif dan Rol yang ditetapkan. Pelaksanaan sesuatu projek/program atau aktiviti melibatkan perbagai pihak dan pasti melibatkan risiko dalam penganjuran aktiviti berkaitan. Pihak pengurusan dan kepimpinan kanan KPSK akan menilai dan seterusnya bertindak ke atas risiko yang dikenalpasti.

Dalam urusan ini, pihak pengurusan akan berpandu kepada Panduan dan Dasar Pengurusan Risiko Universiti yang telah disediakan oleh pihak Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM. Penilaian risiko dilaksanakan berdasarkan kepada kategori risiko, kebarangkalian dan tahap impak sesuatu risiko yang dihadapi. Secara umumnya terdapat enam (6) kategori risiko yang boleh dinilai iaitu Risiko Strategik, Risiko Kewangan, Risiko Perundangan, Risiko Reputasi, Risiko Operasi dan Risiko Projek Utama.

Berdasarkan kategori risiko berkenaan, penilaian risiko yang umumnya dikenalpasti adalah seperti berikut :

Risiko Operasi iaitu Risiko dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti yang melibatkan pelajar dan pihak lain seperti isu keselamatan peserta.

Risiko Reputasi merujuk kepada Risiko yang dihadapi sekiranya aktiviti yang dianjurkan memberi implikasi kepada imej universiti. Contohnya risiko jika tiada kawalan penyertaan peserta luar/ individu/ industri yang tidak menyokong aspirasi universiti atau kerajaan.

Pihak pengurusan kanan dengan kerjasama Penyelaras Risiko KPSK telah mengenalpasti dan melaksanakan penilaian risiko khususnya bagi risiko melibatkan pelajar. Secara umumnya, pengurusan KPSK amat mengambil perhataian ke atas pembangunan dan kesejahteraan serta kebajikan pelajar bagi membolehkan pelajar lebih fokus sepanjang tempoh pengajian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_K01_KB04_KC02_20251_Bukti 1.4 Pemantauan_Kenalpasti Risiko_Kaji Semula.pdf](#)
2. [F0035_K01_KB04_KC02_20252_Bukti 1.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
3. [F0035_K01_KB04_KC02_20253_Bukti 1.4 Pemantauan Pelaporan program pelajar.pdf](#)
4. [F0035_K01_KB04_KC02_20254_Bukti 1.4 Daftar Risiko.pdf](#)
5. [F0035_K01_KB04_KC02_20255_Bukti 1.4 Pemantauan Inisiatif.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam memastikan pelaksanaan program dan aktiviti pelajar memberi manfaat dan nilai kepada pencapaian KPSK secara keseluruhan, pihak kepimpinan kanan secara dasarnya amat mengambil perhatian ke atas prestasi dan pencapaian aktiviti yang dilaksanakan. Pengurusan Kanan komited dalam melaksanakan kaji semula ke atas aktiviti dan program yang dianjurkan. Tindakan penambahbaikan secara berterusan juga di peringkat Pejabat Hal Ehwal Pelajar bagi memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar sentiasa memenuhi prosedur dan keperluan yang ditetapkan.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar melaksanakan mesyuarat dan sesi perbincangan secara berkala Dekan HEP, Ketua HEP, pengurusan HEP dan wakil pelajar daripada MPP/ SMF atau persatuan pelajar. Perbincangan dan tindakan susulan berkaitan aktiviti pelajar juga sering dilaksanakan antara pengurusan HEP, Koordinator Bidang dan pensyarah bidang pengajian bagi memastikan aktiviti pelajar dilaksanakan mengikut kelulusan dan ketetapan penganjuran aktiviti.

Pengurusan kanan KPSK juga merujuk laporan serta analisa prestasi aktiviti yang dilaksanakan bagi memantau prestasi dan kualiti penganjuran aktiviti peringkat kolej. Laporan dan analisa prestasi dibincang dan dilapor dalam mesyuarat berikut :

1. Mesyuarat Eksekutif Kolej Pengajian Seni Kreatif – 3 kali mesyuarat
2. Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar KPSK – 8 kali mesyuarat

Tindakan Penambahbaikan prestasi aktiviti pelajar sentiasa dipantau dan diambil perhatian oleh pengurusan kanan dan pengurusan HEP KPSK. Bidang tumpuan dibawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPSK telah berjaya mencapai prestasi 100% pencapaian 8 PI dibawah HEP KPSK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_K01_KB04_KC03_20251_Bukti 1.4 Pemantauan_Kenalpasti Risiko_Kaji Semula.pdf](#)
2. [F0035_K01_KB04_KC03_20252_Bukti 1.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
3. [F0035_K01_KB04_KC03_20253_Bukti 1.4 Daftar Risiko.pdf](#)
4. [F0035_K01_KB04_KC03_20254_Bukti 1.4 Kolaborasi Bersama MPP.pdf](#)
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1. Penglibatan Semua Peringkat

Usaha integrasi ini telah melibatkan secara kolektif semua warga di semua peringkat KPSK iaitu Pengurusan Kanan, pentadbir akademik, para pensyarah, staf pentadbiran, pimpinan pelajar, pihak industri dan masyarakat melalui peranan berbeza yang dimainkan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan.

2. Memperkayakan Program Berbudayakan 'Sinergi'

Pengurusan KPSK telah mengalakkan para pelajar untuk menjalankan program yang mempunyai elemen 'sinergi' sama ada dari segi penganjuran mahupun penyertaan yang melangkaui program pengajian dan kampus.

Ini berikutan penggabungan tiga (3) fakulti yang telah membentuk KPSK mengundang permasalahan baharu seperti penganjuran program, penyertaan pelajar, pemantauan dan penggunaan sumber yang terhad berikutan lokasi pelajar yang bertaburan di empat (4) kampus iaitu Shah Alam, Seksyen 17, Puncak Perdana dan Puncak Alam.

Sehubungan itu, penganjuran program pelajar secara 'sinergi' adalah merupakan 'jawapan' bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi. Antara program yang telah menerapkan budaya 'sinergi' ini adalah:

- i. Program Kursus Pemerkaasan Organisasi Kepimpinan Mahasiswa
- ii. Program Rewang Bubur Lambuk
- iii. *CCA E-Sport*
- iv. Sinergi KPSK
- v. *Animation Kingdom*
- vi. Semarak Kemerdekaan KPSK
- vii. *Creative Festival by Art Trivium*
- viii. Program *Finishing School*
- ix. Sukan Antara Fakulti
- ix. Randai

Penubuhan KPSK juga telah menyebabkan perubahan kepada struktur kepimpinan pelajar yang melibatkan MPP dan Sekretariat MPP dari aspek bilangan keahlian dan perluasan kawasan perkhidmatan yang telah melangkaui sempadan kampus.

Sepanjang tahun juga telah memperlihatkan keberhasilan pimpinan pelajar mengekalkan keberkesanan penganjuran semua aktiviti pelajar yang telah menyokong bidang tumpuan.

3. Penambahbaikan Berterusan Perkhidmatan Menyokong Bidang Tumpuan

Dalam mendepani cabaran lokasi pelajar yang terbahagi kepada beberapa lokasi iaitu:

- i. Menara SAAS, Kampus UiTM Shah Alam
- ii. Kompleks Ilham, Kampus UiTM Shah Alam
- iii. Kampus UiTM Seksyen 17, Shah Alam
- iv. KPSK Kampus UiTM Puncak Perdana
- v. KPSK Kampus UiTM Puncak Alam

vi. Blok A & B, Kampus UiTM Jalan Othman

Penyampaian perkhidmatan dan komunikasi berkesan bagi menyokong bidang tumpuan telah menjadi lebih kritikal. Sehubungan itu, pengurusan Hal Ehwal Pelajar telah menjalankan usaha berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi menyokong bidang tumpuan antaranya ialah:

- i. Menwujudkan laman web HEP sebagai *onestop centre*
- ii. Memperluaskan perkhidmatan secara atas talian
 - a. e-Laporan aktiviti
 - b. e-Kebajikan Pelajar
 - c. Permohonan Sijil Aktiviti HEP

Penyampaian perkhidmatan dan komunikasi secara atas talian ini telah membantu pengurusan HEP dalam menyampaikan perkhidmatan yang menyokong bidang tumpuan dengan lebih efektif dan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_K01_KB05_20251_Bukti 1.5 Integrasi.pdf](#)
2. [F0035_K01_KB05_20252_Bukti 1.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) merupakan dokumen hala tuju yang digubal bagi memperkukuh kedudukan UiTM sebagai sebuah **Global Renowned University (GRU 2025)**. Dokumen ini dirangka untuk memastikan setiap inisiatif dan tindakan strategik KPSK menyumbang secara langsung kepada misi universiti serta agenda pendidikan negara.

Misi utama UiTM adalah **menjuarai pembangunan Bumiputera profesional yang tangkas melalui penawaran kurikulum terkehadapan, penyelidikan berimpak tinggi dan berlandaskan nilai-nilai kecemerlangan, sinergi serta integriti**. Seajar dengan misi ini, KPSK komited memperkasa pelajar dalam aspek kepimpinan, kebolehpasaran, sahsiah, kesejahteraan dan keterlibatan global. Sebagai nadi pembangunan modal insan universiti, KPSK memastikan strategi yang dilaksanakan adalah menyeluruh, progresif serta bersepadu dengan aspirasi UiTM.

Secara khususnya, perancangan ini menyokong agenda **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)** yang menekankan pembangunan graduan holistik, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan dan pengantarabangsaan. KPSK juga menyahut seruan **Dasar Pendidikan Tinggi Negara** serta mendukung **Sustainable Development Goals (SDG)**, sekali gus membuktikan bahawa kolej ini bukan sahaja memberi impak dalaman kepada universiti, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan nasional dan global.

Hala tuju KPSK adalah selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025**, yang memberi fokus kepada empat dimensi utama:

1. **Kecemerlangan Akademik** – melalui inovasi kurikulum serta penawaran program berasaskan industri.
2. **Kebolehpasaran Graduan** – dengan memperkukuh kemahiran insaniah, penguasaan digital dan daya saing global.
3. **Kepimpinan Pelajar** – untuk melahirkan graduan berintegriti, kompeten dan berteraskan nilai sejagat.
4. **Pengantarabangsaan** – melalui pengukuhan jaringan industri, komuniti dan kerjasama rakan antarabangsa.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, KPSK telah melaksanakan analisis **SWOT** bagi mengenalpasti kekuatan dalaman, potensi serta cabaran yang dihadapi. Dapatan analisis ini dibincangkan secara mendalam dalam **Bengkel Perancangan Strategik KPSK 2024**, yang turut disertai oleh Pengurusan Kanan serta wakil-wakil pusat pengajian. Hasil perbincangan tersebut menjadi asas kepada penyusunan strategi yang lebih berfokus, termasuk penetapan **Indikator Prestasi Utama (KPI)** sebagai ukuran keberhasilan.

Seterusnya, KPSK melaksanakan pelbagai inisiatif strategik dan antara aktivitiya adalah **LOCUS (Leadership of Creative Arts Undergraduates)** yang berteraskan model **ARTpreciation (Accountability, Result, Target)**. Inisiatif ini dilaksanakan merentasi enam (6) pusat pengajian dan memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu, kemahiran insaniah dan kreativiti dalam konteks sebenar. LOCUS bukan sahaja memperkukuh kepimpinan pelajar, malah membina keyakinan diri serta meningkatkan keterlihatan KPSK di peringkat universiti dan luar negara.

Pemantauan berterusan dilaksanakan melalui laporan pencapaian dan penilaian KPI yang

dipantau secara berkala melalui sistem UETM bersama pihak **Badan Transformasi Universiti (BTU)** bagi pelaporan di peringkat UiTM. Semakan ini memastikan keberkesanan strategi serta menilai tahap pencapaian pelajar dalam aspek akademik, kepimpinan, sahsiah dan kebolehpasaran.

Penambahbaikan berterusan dipantau dan diselaraskan berdasarkan dapatan pemantauan oleh Unit Pengurusan Kualiti KPSK secara amnya. Langkah pembetulan diambil bagi memastikan setiap strategi kekal relevan dan sejajar dengan aspirasi GRU 2025 serta keperluan pendidikan tinggi semasa.

Secara keseluruhannya, Perancangan Strategik KPSK komponen yang mengintegrasikan aspirasi nasional dan universiti ke dalam pelaksanaan di peringkat kolej. Ia bukan sahaja menjadi panduan ke arah pencapaian GRU 2025, bahkan juga memastikan pelajar KPSK terus diperkasa sebagai modal insan unggul yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan bersaing di pentas global.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPSK menekankan budaya akauntabiliti dalam setiap peringkat pengurusan dan pelaksanaan. Kebertanggungjawaban ini dizahirkan melalui tadbir urus strategik yang melibatkan kepimpinan kolej, pensyarah serta pelajar. Setiap **Performance Indicator (PI)** telah diagihkan mengikut unit masing-masing sebagaimana digariskan dalam **Slaid Amanat PNC KPSK**, agar pelaksanaan strategi dapat dijalankan secara sistematik.

Selain itu, tanggungjawab turut diagihkan kepada enam (6) pusat pengajian di bawah KPSK, bagi memastikan setiap program akademik dan aktiviti pembangunan pelajar dilaksanakan secara telus, terarah dan berpandukan garis panduan yang ditetapkan. Melalui projek **LOCUS**, pelajar diwajibkan untuk terlibat kerana ia menjadi platform *showcase* karya kreatif dan persembahan pelajar tahun akhir. Pendekatan ini bukan sahaja menjamin kualiti pendidikan, malah turut membentuk graduan yang berintegriti tinggi, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam setiap aspek pembelajaran serta pembangunan diri.

2. Result (Hasil dan Keberhasilan)

KPSK memberi tumpuan kepada kelestarian pencapaian pelajar dalam lima dimensi utama: akademik, kepimpinan, kebolehpasaran, sahsiah dan keterlibatan global. Keberhasilan ini diukur melalui indikator prestasi utama (KPI) yang terukur seperti kadar kebolehpasaran graduan, tahap penglibatan pelajar dalam kepimpinan dan kesukarelawan, pencapaian akademik, serta keterlibatan dalam jaringan pengantarabangsaan.

Pelaksanaan inisiatif seperti **LOCUS** telah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu, kemahiran insaniah dan kreativiti dalam konteks sebenar. Melalui penglibatan ini, pelajar bukan sahaja membina keyakinan dan daya kepimpinan, malah turut mencapai keberhasilan yang jelas dalam pembangunan kompetensi, sejajar dengan aspirasi untuk melahirkan graduan holistik dan berdaya saing di peringkat global.

3. Target (Sasaran dan Hala Tuju)

KPSK menetapkan sasaran strategik yang sejajar dengan aspirasi UiTM untuk mencapai **Global Renowned University (GRU 2025)** serta agenda nasional seperti **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025**. Sasaran ini dirangka dalam bentuk jangka pendek, sederhana dan panjang bagi membolehkan keberkesanan inisiatif diukur secara berterusan.

Antara sasaran utama ialah melahirkan graduan berdaya saing di peringkat global, memperkukuh kolaborasi dengan industri kreatif, serta memperluas jaringan pengantarabangsaan yang memberi nilai tambah kepada ekosistem universiti. Dengan penetapan sasaran ini, KPSK dapat memantapkan hala tuju pembangunan pelajar dan memastikan pencapaian yang mampan dalam jangka panjang.

Integrasi dengan PDCA

Pendekatan ARTpreciation ini dilaksanakan secara bersepadu dengan mengintegrasikan prinsip **Plan–Do–Check–Act (PDCA)**.

- **Plan (Merancang):** Analisis SWOT, penetapan KPI, dan pemetaan strategi melalui bengkel perancangan.
- **Do (Melaksana):** Pelaksanaan projek strategik termasuk LOCUS dan program pembangunan kepimpinan pelajar.
- **Check (Menyemak):** Pemantauan keberhasilan melalui laporan KPI, maklum balas pelajar, alumni, industri dan pihak berkepentingan.
- **Act (Tindak Susulan):** Penambahbaikan berterusan melalui *post-mortem*, laporan audit dan pelarasan strategi agar kekal relevan dengan keperluan semasa.

Melalui integrasi ini, KPSK dapat memastikan setiap strategi bukan sahaja realistik dan relevan dengan tuntutan pendidikan tinggi, malah memberi impak berterusan kepada pembangunan

pelajar, fakulti, universiti dan masyarakat secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI:

1. [B0082_P01_PB02_20251_Slide- Amanat Naib Canselor 2024_UiTM.pdf](#)
2. [B0082_P01_PB02_20252_Amanat PNC KPSK 2024.pdf](#)
3. [B0082_P01_PB02_20253_Buku Pelan Perancangan Strategik 2020-2025 UiTM.pdf](#)
4. [B0082_P01_PB02_20254_Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 \(Pendidikan Tinggi\).pdf](#)
5. [B0082_P01_PB02_20255_LOCUS 2024 TEMPLATE - Pelaporan Pengendalian Aktiviti & Program FSSR \(2\).docx.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penyebarluasan Objektif dan Inisiatif Strategik

KPSK sangat memahami kepentingan penyebaran hala tuju strategik kepada semua warga untuk memastikan bidang tumpuan dapat dicapai sepenuhnya. Proses ini dimulakan dengan perkongsian objektif dan inisiatif perancangan strategik melalui pelbagai medium komunikasi. Amanat Penolong Naib Canselor KPSK 2024 (Poster Amanat PNC 2024) berfungsi sebagai platform utama untuk menyampaikan hala tuju, perancangan strategik KPT, UiTM, dan KPSK, termasuk aktiviti dan pencapaian tahun sebelumnya serta perancangan 2024. Maklumat ini juga diperluaskan melalui mesyuarat di peringkat Pengajian bagi memastikan semua warga KPSK dan pelajar mendapat maklumat terkini dengan pantas.

Pelaksanaan Program dan Inisiatif Utama

KPSK melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang bagi bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar secara proaktif. Pelan tindakan strategik KPSK merangkumi projek-projek seperti LOCUS, Keretapi Sarong dan lain-lain. (Slaid Perancangan Strategik KPSK) Projek-projek ini bertujuan mengetengahkan potensi pelajar ke peringkat antarabangsa dan memupuk nilai kecemerlangan, sinergi, dan integriti (ESI-iDART). Aktiviti seperti LOCUS 2024 adalah contoh pelaksanaan inisiatif ini, yang direka untuk memberi manfaat kepada pelajar dalam pembangunan akademik, jalinan kerjasama dengan pihak industri, serta meningkatkan ketampakan di peringkat nasional dan antarabangsa. (Laporan LOCUS 2024)

Penglibatan Pelbagai Pemegang Taruh

Pelaksanaan strategi melibatkan keterlibatan menyeluruh semua warga KPSK. Pengurusan KPSK mengamalkan pendekatan "down top" dalam bengkel perancangan strategik, di mana semua Pengajian dan Pejabat Dekan terlibat aktif dalam menyumbang idea. (Poster Bengkel strategik, dokumen SAP) Untuk aktiviti seperti LOCUS, ini bermakna perancangan mengambil kira input daripada pelbagai pihak, termasuk pelajar dan staf dari semua pengajian (Laporan LOCUS 2024). Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Mahasiswa KPSK juga berperanan penting dalam menyokong dan menjadi duta kecil bagi program-program ini. (kertas kerja LOCUS 2024) Program sinergi yang melibatkan pelajar dari dua atau lebih bidang berbeza turut digalakkan untuk memupuk perkongsian ilmu organik. (senarai pelajar yang terlibat cross program dari laporan program LOCUS 2024)

Pengagihan dan Pengurusan Sumber

Walaupun menghadapi cabaran kekangan peruntukan kewangan, Pengurusan KPSK telah melaksanakan pengagihan semula dan mengusahakan penambahan peruntukan untuk memastikan semua aktiviti bidang tumpuan dapat direalisasikan. (surat kelulusan program) Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (TAPA) memastikan perbelanjaan dilaksanakan secara berhemah dengan tapisan awal permohonan aktiviti dan semakan teliti permohonan perbelanjaan. (Minit mesyuarat tabung amanah, surat kelulusan) Bagi Keretapi Sarong 2024, peruntukan sebanyak RM1560.00 telah diluluskan, menunjukkan pengagihan sumber yang spesifik untuk aktiviti ini. KPSK juga mengukuhkan jaringan melalui MoU/MoA (Daftar MOU/MOA KPSK) untuk membiayai sebahagian kos penganjuran aktiviti pelajar dan mempromosikan kebolehan pelajar.

Pendekatan Sistemik dalam Pelaksanaan

Pelaksanaan setiap perancangan di KPSK adalah meluas kepada setiap Pengajian melalui bengkel perancangan strategik. Proses permohonan penganjuran aktiviti pelajar juga dilaksanakan secara sistematik, memerlukan penghantaran kertas kerja yang lengkap secara atas talian untuk dinilai dan diluluskan, termasuk perincian tujuan, objektif, implikasi kewangan, dan jawatankuasa pelaksana. (kertas kerja program, surat kelulusan) Untuk Keretapi Sarong 2024, aktiviti ini dijadualkan pada 14 September 2024, di Kuala Lumpur dan UiTM Puncak Alam, menunjukkan perancangan operasi yang jelas.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_P01_PB03_20251_Poster Amanat PNC KPSK 2024.pdf](#)
2. [B0082_P01_PB03_20252_FINAL RUMUSAN PS KPSK2024_uitm_Dungun_23042024.pptx.pdf](#)
3. [B0082_P01_PB03_20253_LOCUS 2024 TEMPLATE - Pelaporan Pengendalian Aktiviti & Program FSSR \(2\).docx.pdf](#)
4. [B0082_P01_PB03_20254_1\) KERTAS KERJA KERETAPI SARONG 2024.pdf](#)
5. [B0082_P01_PB03_20255_3\) Surat Kelulusan Program - Keretapi Sarong 24 \(Dengan Biaya\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan KPSK, terutamanya melalui Unit Kualiti & Strategik, secara berkala dan berterusan memantau pencapaian bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Ini termasuk penyemakan rapi terhadap pelaporan aktiviti dan keberkesanan program kebudayaan seperti Keretapi Sarong, yang secara langsung menyumbang kepada PI berkaitan penglibatan pelajar dalam program budaya dan warisan serta pemupukan nilai kecemerlangan, sinergi, dan integriti (ESI-iDART). Mekanisme pemantauan utama yang dilaksanakan adalah:

1. Mesyuarat Berkala: Pencapaian PI dibentangkan dan dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Eksekutif/HEP/HEA peringkat KPSK dan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar. Dalam mesyuarat ini, aspek-aspek seperti perbelanjaan program akan disemak bagi memastikan penggunaan peruntukan yang berhemah. (minit mesyuarat tabung amanah, minit mesyuarat pengurusan eksekutif/HEA/HEP KPSK)

2. Platform Pelaporan Dalam Talian: Laporan aktiviti program, termasuk LOCUS, dikemukakan melalui platform rasmi seperti CCA Student Affairs One Stop Center (website HEP KPSK). Ini membolehkan pemantauan status kemajuan projek dan pencapaian secara berpusat, serta analisis jurang berbanding sasaran.

3. Analisis Data dan Maklum Balas: Keberkesanan program diukur berdasarkan statistik penglibatan pelajar, sejauh mana objektif program tercapai (contohnya, peningkatan ketampakan di peringkat nasional dan antarabangsa) (laporan program LOCUS 2024), serta maklum balas yang dikumpul daripada peserta dan pihak berkepentingan. Hasil pemantauan ini juga mengenalpasti risiko seperti kekangan kewangan atau kurangnya sambutan pelajar, membolehkan tindakan intervensi segera diambil.

Keseluruhan proses pemantauan ini penting untuk menilai sama ada LOCUS 2024 dan aktiviti lain sejajar dengan strategi KPSK dan UiTM. Hasilnya digunakan sebagai input bagi tindakan penambahbaikan berterusan untuk aktiviti masa hadapan, sekaligus memastikan KPSK terus konsisten dalam melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing.

SENARAI BUKTI:

1. [B0082_P01_PB04_PC01_20251_3.5.2\(b\) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Kolej Pengajian Bil 02 Tahun 2024.pdf](#)
2. [B0082_P01_PB04_PC01_20252 Laman Sesawang HEP KPSK.pdf](#)
3. [B0082_P01_PB04_PC01_20253_LOCUS 2024 TEMPLATE - Pelaporan Pengendalian Aktiviti & Program FSSR \(2\).docx.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Perancangan Strategik KPSK. Risiko dikenal pasti, dianalisis, dan diurus secara sistematik bagi mengelakkan sebarang impak negatif terhadap pencapaian sasaran strategik. Proses ini disepadukan dengan pendekatan PDCA bagi memastikan tindakan pencegahan dan mitigasi dilaksanakan secara berterusan.

1. Pengenalpastian Risiko (Plan)

Pengurusan Risiko merupakan penyumbang kepada kejayaan perancangan strategik. Di peringkat KPSK, satu jawatankuasa iaitu Pemilik Risiko ditubuhkan bagi memastikan segala risiko berkaitan aspek operasi utama BHEA dan BHEP dapat dikawal selia dengan berkesan. KPSK mengenal pasti risiko yang berpotensi memberi kesan kepada strategi melalui sesi perbincangan bersama pengurusan, pusat pengajian, pensyarah dan pelajar. Risiko utama yang dikenal pasti meliputi:

- **Risiko Akademik** – kegagalan pelajar mencapai standard akademik, kelewatan graduasi, dan popularity program akademik berkurangan.
- **Risiko Pembangunan Pelajar** – kurang penglibatan dalam aktiviti kepimpinan, sahsiah, keterlibatan global, kebajikan pelajar tidak terurus.
- **Risiko Operasi** – kekangan sumber manusia, kewangan, dan fasiliti yang menjejaskan pelaksanaan program.
- **Risiko Reputasi** – prestasi pelajar atau aktiviti kolej yang tidak mencapai piawaian memberi kesan kepada imej UiTM dan KPSK.

2. Penilaian Risiko (Do)

Setiap risiko dianalisis dari aspek **kebarangkalian (likelihood)** dan **impak (impact)**. Penilaian ini membolehkan risiko dikategorikan sebagai **tinggi, sederhana, atau rendah**. Contohnya:

- Risiko akademik (tinggi)
- Risiko pembangunan sahsiah pelajar (sederhana)
- Risiko operasi (tinggi)
- Risiko reputasi (tinggi)

3. Strategi Mitigasi (Check)

KPSK merangka plan mitigasi yang spesifik mengikut kategori risiko:

- **Akademik** → Semakan semula program akademik dan penganjuran misi akademik.
- **Pembangunan pelajar** → Pengukuhan aktiviti kokurikulum, LOCUS sebagai platform showcase, dan latihan kepimpinan.
- **Operasi** → Pengurusan sumber berasaskan keperluan kritikal dan keutamaan kepada aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran.
- **Reputasi** → Pemantauan prestasi melalui KPI, penjenamaan aktiviti kolej, serta penilaian berterusan oleh pihak berkepentingan.

4. Pemantauan & Penambahbaikan (Act)

Risiko dipantau melalui **Mesyuarat Pemilik Risiko** secara berkala dan laporan prestasi KPI. Hasil penilaian akan digunakan untuk menambah baik plan tindakan, agar strategi kekal relevan dengan perubahan persekitaran pendidikan tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_P01_PB04_PC02_20251_Laporan eRMS 2023 .pdf](#)
2. [B0082_P01_PB04_PC02_20252_Laporan eRMS 2024.pdf](#)

-
- 3.
 - 4.
 - 5.

2.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan kanan KPSK secara konsisten mengkaji semula dan mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan hasil analisis, maklum balas warga, aduan pelanggan, serta laporan audit yang diterima. Proses ini dimulakan dengan pembentangan hasil pencapaian bidang tumpuan pada tahun sebelumnya dalam Bengkel Perancangan Strategik KPSK, yang menjadi asas semakan dan kajian semula.

Mekanisme utama yang digunakan untuk kajian semula dan penambahbaikan termasuk:

1. Penganalisaan Program berbanding Perancangan Strategik: KPSK merangka pelan pemantauan yang sistematik melalui mesyuarat eksekutif untuk memantau pelaksanaan dan perjalanan aktiviti program pelajar secara berkala. Pelaporan setiap aktiviti juga diperhalusi, dan bengkel strategi HEP KPSK diadakan pada awal setiap semester untuk merangka perjalanan semester dan mengenalpasti keperluan penambahbaikan. (minit mesyuarat pengurusan eksekutif/HEA/HEP KPSK)
2. Analisis Data Pencapaian PI dan Aktiviti: Analisis keberkesanan program dilakukan secara berkala, menggunakan laporan sukuan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) sebagai asas cadangan penambahbaikan. Data statistik aktiviti yang menunjukkan bilangan dan jenis aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun turut dianalisis untuk mengenalpasti keberkesanan program.
3. Tindakan Penambahbaikan Terhadap Halangan: Pejabat Dekan HEP merangka tindakan penambahbaikan untuk menangani halangan terdahulu, seperti kekangan peruntukan kewangan, bagi memastikan pencapaian hasil bidang tumpuan tercapai sepenuhnya. Ini selari dengan amalan pengurusan kewangan berhemat yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar. (minit mesyuarat tabung amanah)
4. Pelaporan Menyeluruh: Pelaporan aktiviti secara menyeluruh dalam bentuk penulisan adalah satu pembudayaan bagi tindakan penambahbaikan. Ini membantu KPSK untuk terus memperbaiki proses kerja dan prosedur sedia ada agar lebih efektif, memenuhi keperluan pelanggan, dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. (laporan program LOCUS 2024)
5. Maklum Balas Pemegang Taruh: Borang maklum balas digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan pandangan daripada pemegang taruh (industri, komuniti, alumni) terhadap penganjuran program pelajar. Laporan ini dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan KPSK untuk menimbang semula program; jika program didapati tidak memberi impak positif, ia tidak akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Melalui proses kajian semula dan penambahbaikan yang berterusan ini, KPSK memastikan bahawa program seperti LOCUS 2024 bukan sahaja dilaksanakan, tetapi juga terus diperbaiki untuk mencapai objektif strategik pembangunan pelajar dengan lebih cemerlang.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_P01_PB04_PC03_20251_3.5.2\(b\)_Minit_Mesyuarat_Jawatankuasa_Tabung_Amanah_Kolej_Pengajian_Bil_02_Tahun_2024.pdf](#)
2. [B0082_P01_PB04_PC03_20252_LOCUS_2024_TEMPLATE_-_Pelaporan_Pengendalian_Aktiviti_&_Program_FSSR_\(2\).docx.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi program pembangunan pelajar seperti **LOCUS** dan **Keretapi Sarong**, pelaksanaan dilaksanakan melalui acuan **Model ARTpreciation (Accountability, Result, Target)** yang digunakan oleh KPSK dalam memperkasa pelajar.

Integrasi Melalui Kebertanggungjawaban (Accountability) dan Pembudayaan Prosedur

Hasil analisis perancangan strategik diintegrasikan dengan penegasan akauntabiliti dalam struktur dan prosedur.

Bagi LOCUS, kebertanggungjawaban dipupuk melalui struktur pengurusan yang jelas: pelajar menjadi penggerak utama manakala pensyarah dan pentadbir bertindak sebagai penasihat serta pemantau. Ini memastikan keperluan penambahbaikan dapat disalurkan secara sistematik. Sementara itu, Keretapi Sarong dan LOCUS menekankan pembudayaan prosedur rasmi melalui kertas kerja serta surat kelulusan. Contohnya, pindaan bajet Keretapi Sarong 2024 dibuat berdasarkan data sebenar (kehadiran 47 berbanding sasaran 100) serta kos tambahan dobi. Pendekatan ini membudayakan pengurusan kewangan berhemat yang responsif terhadap analisis realiti.

2. Integrasi Melalui Hasil (Result) dan Pembudayaan Penambahbaikan Berterusan

Analisis hasil program menjadi asas kepada tindakan penambahbaikan. Laporan Keretapi Sarong 2024 menilai pencapaian objektif seperti sinergi dan patriotisme, serta mengenal pasti isu seperti kehadiran rendah dan pertindihan jadual. Hasil analisis ini dibincang dalam mesyuarat eksekutif dan bengkel strategik HEP KPSK. Amalan pelaporan menyeluruh turut dibudayakan, iaitu laporan yang mengandungi cadangan penambahbaikan—contohnya mencadangkan program diadakan sebelum cuti pertengahan semester—bagi meningkatkan proses kerja.

Untuk LOCUS, hasil nyata termasuk peningkatan kemahiran insaniah (komunikasi, kepimpinan, pengurusan acara), pengukuhan identiti nasional, serta kesedaran budaya. Kejayaan ini diukur melalui penglibatan meluas, liputan media, dan pengiktirafan, yang seterusnya mengesahkan keberkesanan pendekatan dan mendorong pembudayaan amalan terbaik.

3. Integrasi Melalui Sasaran (Target) dan Penyesuaian Strategi Masa Hadapan

Analisis hasil turut digunakan untuk menyelaraskan sasaran strategik jangka pendek dan panjang. Bagi LOCUS, sasaran disepadukan dengan Pelan Strategik UiTM: jangka pendek untuk meningkatkan penglibatan pelajar, dan jangka panjang untuk melahirkan graduan berdaya saing, berbudaya, serta inklusif. Analisis program memaklumkan strategi seterusnya bagi memastikan kesinambungan dan pencapaian lebih baik.

Bagi Keretapi Sarong, cadangan penambahbaikan seperti pelarasan jadual bagi mengelak pertindihan dibudayakan sebagai amalan standard dalam perancangan masa hadapan. Langkah ini membantu mencapai sasaran penglibatan pelajar dengan lebih efektif, selaras dengan objektif pembangunan pelajar dan aspirasi universiti. KPSK memastikan pelan strategik kolej seiring dengan objektif kualiti melalui pelan tindakan tahunan.

Secara keseluruhan, integrasi hasil analisis perancangan strategik bagi program seperti LOCUS dan Keretapi Sarong dicapai melalui pembudayaan akauntabiliti, pelaksanaan penambahbaikan berterusan, dan penetapan sasaran strategik yang relevan. Pendekatan ini, berlandaskan Model ARTpreciation, bukan sahaja memperkukuh proses operasi dan kewangan, tetapi juga memastikan pembangunan pelajar bergerak seiring dengan hala tuju strategik UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_P01_PB05_20251_LOCUS 2024 TEMPLATE - Pelaporan Pengendalian Aktiviti & Program FSSR \(2\).docx.pdf](#)

- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan adalah pihak berkepentingan yang sangat penting yang berfungsi sebagai penanda aras sebagai kejayaan operasi dan kelestarian fungsi akademik serta pembangunan seni Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Dalam agenda berfokuskan pelanggan, KPSK akan memberi kepentingan kepada pelajar, staf akademik, staf sokongan, komuniti seni, industri kreatif dan rakan strategik sebagai pemacu kepada pelaksanaan setiap perancangan. **Pelan Tindakan Strategik KPSK 2024** dan **Objektif Unit Pengurusan Kualiti KPSK** juga memberi tumpuan kepada petunjuk prestasi kepuasan pelanggan, sejajar dengan **UiTM 2025 Strategic Plan** dan **Global Renowned University (GRU 2025)** yang menekankan kecemerlangan global.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) di **KPSK** juga merupakan pusat sehati yang memberi sokongan dalam pembangunan pelajar. KPSK memberi tumpuan kepada dua fokus utama, iaitu pembangunan bakat kreatif dan kepimpinan pelajar, serta perkhidmatan dan kemudahan pembelajaran yang berkualiti.

Bengkel Perancangan Strategik KPSK 2024, yang diadakan juga merupakan tonggak penting kepada KPSK dalam merancang ke arah melahirkan pelajar yang berdaya saing global di samping mengekalkan kecemerlangan akademik dan kebolehpasaran graduan. Berdasarkan strategi ini, ianya bertujuan untuk melahirkan graduan seni kreatif yang bukan sahaja mahir dalam bidang masing-masing, tetapi juga graduan yang tangkas, inovatif dan berkemahiran holistik.

Bagi memastikan setiap inisiatif berkesan, **KPSK** menggunakan **Model ART Preciation (Accountability, Target and Result) (ATR)** sebagai rangka kerja utama pengurusan. Dari aspek **Accountability**, setiap pengajian dan individu diberikan tanggungjawab yang jelas terhadap pelaksanaan strategi, sama ada dalam bentuk pengajaran, penyelidikan mahupun pembangunan pelajar. **Result** diukur dari segi pencapaian kepuasan pelanggan yang dipantau secara menyeluruh dalam **Sistem E-Aduan UiTM** dan pemantauan secara dalaman oleh **CCA E-Aduan** melalui **Unit Korporat KPSK** dimana ianya dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan secara berkala. Selain dari itu, pengukuran *result* dapat dilihat dari kadar penyertaan pelajar dalam program pembangunan bakat, pengiktirafan antarabangsa terhadap hasil karya seni, dan keberhasilan jaringan industri. Manakala **Target**, penetapan sasaran berpandukan **pelan strategik UiTM** dan **GRU 2025** termasuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan seni kreatif dan memperluaskan rangkaian antarabangsa melalui kerjasama dalam bidang seni.

Penganjuran pameran seni, festival, program pertukaran budaya, kerjasama dengan komuniti dan industri diadakan untuk menyokong agenda "**Universiti Terkemuka Dunia 2025**", dimana KPSK giat membudayakan inovasi, perkongsian pengetahuan, melalui penglibatan aktif pelajar dan staf.

Dalam memastikan kepuasan pelanggan, KPSK mewujudkan strategi penglibatan pelanggan yang holistik, ini terbukti dari segi penglibatan komuniti seni, industri kreatif dan juga menjalin perkongsian strategik di peringkat antarabangsa. Maklumat mengenai kepuasan pelanggan direkodkan dan dinilai sebagai sebahagian daripada proses (**Accountability, Result and Target) (ART)**, membolehkan tindakan penambahbaikan dilakukan dengan segera.

Model Plan-Do-Check-Act (PDCA) turut dijadikan asas perancangan KPSK agar setiap strategi dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Gabungan PDCA dan ART memastikan pelaksanaan program bukan sahaja menepati sasaran tetapi juga memberi hasil yang boleh diukur serta berimpak tinggi.

Keseluruhannya, komitmen KPSK dalam mengintegrasikan **Model ART Preciation** bersama pendekatan **PDCA** telah membuahkan hasil positif dengan wujudnya keterlibatan aktif pelajar, staf, komuniti seni, dan rakan strategik hingga ke peringkat antarabangsa. Usaha ini bukan

sahaja memperkukuh reputasi UiTM sebagai institusi seni kreatif yang berwibawa, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian matlamat **GRU 2025**, iaitu melahirkan graduan seni kreatif yang berdaya global.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengkategorikan **pelanggan utama** kepada dua kumpulan, iaitu **warga dalaman KPSK** yang terdiri daripada pelajar, staf akademik dan bukan akademik, serta warga luar yang merangkumi komuniti seni, rakan strategik industri kreatif, NGO, alumni, badan profesional, serta pihak kerajaan dan swasta. **Pengurusan pembangunan pelajar** menjadi teras utama selaras dengan Pelan Strategik KPSK 2004, PS BHEP 2021–2025, *UiTM 2025 Strategic Plan* dan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015–2025**. Kecemerlangan pelajar seni kreatif merupakan tonggak utama dalam mengangkat reputasi UiTM ke peringkat nasional dan global.

Dengan merujuk **maklumat pelajar** dalam **Student Information Management System (SIMS UiTM)**, KPSK dapat mengenal pasti bakat pelajar dalam akademik, kepimpinan, seni dan budaya, reka bentuk, persembahan, dan keusahawanan kreatif. Potensi ini dipertingkatkan oleh **CCA Students Affairs One Stop Centre** melalui **Unit Kepimpinan dan Pembangunan** serta kerjasama **Unit Pertandingan dan Pengantarabangsaan HEP KPSK** bagi membolehkan pelajar seni memahami intipati kepimpinan, kepentingan patriotik dan jaringan global. Peranan modul Kepimpinan Pelajar dan bimbingan mentor-mentee menyediakan landasan bagi melahirkan pemimpin kreatif yang berwibawa, inovatif, dan kompeten.

Dalam **pembangunan ko-kurikulum**, KPSK juga menggalakkan penyertaan dalam program kesenian antarabangsa, festival kebudayaan, dan pertandingan kreatif seperti Festival Seni Budaya Mahasiswa (FESMA UiTM), EduXCape, Malaysian Wind Music Prize dan E-Sport Madani Rakyat. Melalui **projek Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM)** seperti **Muteach: AI Music Camp 2024**, pelajar digilap sebagai agen *Knowledge Transfer Programme (KTP)* dan pemimpin berkemahiran insaniah tinggi. Program ini memenuhi indikator PI 027 dan PI 028 serta menyokong agenda SDG.

Bagi kabajikan dan kesejahteraan pelajar, KPSK menyediakan khidmat nasihat kesihatan mental melalui **Unit Pembangunan Kerjaya, Kaunseling, OKU & Disiplin**. Penilaian kualiti perkhidmatan dinilai secara berterusan melalui tinjauan kepuasan pelanggan, SuFO, PROPENS, kajian fasiliti (PTAR, BHEA, BHEP), dan *UiTM Happiness Index 4.0*.

Kesemua inisiatif ini digerakkan dengan **Model ART Preciation (Accountability, Target dan Result) (ATR)**. Dari aspek **Accountability**, setiap jabatan dan pensyarah dipertanggungjawabkan terhadap pelaksanaan program seni serta pembangunan bakat menerusi **program Leader of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS)**. **Result** diukur melalui pencapaian KPI, anugerah seni, kadar kepuasan pelanggan, dan pengiktirafan graduan di pasaran kerja. Dari segi **Target**, KPSK menyasarkan kebolehpasaran graduan seni melalui pengiktirafan global melalui jaringan strategik industri kreatif.

Bagi menjamin keberkesanan, KPSK menggunakan **pendekatan ADLI**:

Approach (A): Strategi pembangunan bakat, program kepimpinan, inovasi seni, dan perkongsian industri dirangka berdasarkan visi UiTM.

Deployment (D): Program ini dilaksanakan menyeluruh kepada semua pelajar melalui SIMS, modul kepimpinan, mentor-mentee, pertandingan seni dan kerjasama kerja industri.

Learning (L): Data maklum balas, hasil tinjauan kepuasan dan pencapaian KPI dianalisis untuk mengenal pasti kekuatan serta ruang penambahbaikan.

Integration (I): Hasil pembelajaran boleh dibawa semula ke dalam pelan strategik, selaras dengan *UiTM 2025 Strategic Plan*, **SDG** dan **GRU 2025**.

ADLI ini secara langsung berkait dengan **PDCA Cycle**: **Plan** (merancang strategi dan program), **Do** (melaksanakan), **Check** (menilai data kepuasan dan KPI) dan **Act** (membuat penambahbaikan berterusan). Gabungan **ART Preciation**, **ADLI** dan **PDCA** memastikan sistem

pengurusan KFSR berjalan secara sistematik, telus dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [B0082_T01_TB02_20251_Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 \(Pendidikan Tinggi\)_compressed_compressed.pdf](#)
2. [B0082_T01_TB02_20252_STUDENT INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM.pdf](#)
3. [B0082_T01_TB02_20253_CCA STUDENT AFFAIRS ONE STOP CENTRE.pdf](#)
4. [B0082_T01_TB02_20254_SULAM PROGRAM_MUE613 FINAL PROJECT REPORT_AI MUSIC CAMP 2024_compressed_compressed.pdf](#)
5. [B0082_T01_TB02_20255_LAPORAN LOCUS 2024 Pelaporan Pengendalian Aktiviti & Program FSSR.docx_compressed.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Seiring dengan visi UiTM dalam melahirkan **graduan yang kompeten**, KPSK telah membuat pelbagai inisiatif strategik berdasarkan maklum balas daripada kumpulan sasaran khususnya pelajar, bagi memastikan keperluan mereka dipenuhi secara berkesan. Dalam **model ART Preciation (Accountability, Target and Result) (ART)**, setiap inisiatif yang dirancang dipertanggungjawabkan kepada unit tertentu (**Accountability**), diukur keberhasilannya (**Result**) serta mempunyai sasaran jelas (**Target**).

Bagi pelajar baharu, maklum balas telah dikumpulkan melalui **Minggu Destini Siswa (MDS)** yang dianjurkan bersama **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) KPSK**. Maklumat dikumpulkan secara sistematik dengan merujuk kepada platform digital seperti **QR Code Google Form Feedback** untuk dianalisis bagi tujuan penambahbaikan berterusan. Hal ini sejajar dengan prinsip **Plan** (merancang pengumpulan data), **Do** (melaksanakan soal selidik), **Check** (menilai dapatan maklum balas), dan **Act** (menambah baik program pembangunan pelajar). Melalui kaedah ini, KPSK dapat menyesuaikan program pembangunan pelajar agar lebih relevan dengan keperluan generasi semasa. Di samping itu, KPSK menggunakan medium komunikasi seperti **Telegram dan WhatsApp** menerusi **MPP KPSK** bagi memastikan penyampaian maklumat berlaku secara pantas dan efektif.

Bagi pelajar sedia ada, KPSK menyediakan akses kepada **sistem SIMS** sebagai rujukan utama maklumat akademik dan penasihat akademik. Sementara itu, sistem **eRES** memberi kemudahan kepada pelajar untuk menyemak pemarkahan, manakala **UFuture** digunakan sebagai platform Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berasaskan digital.

Aspek kualiti pengajaran dan penyelidikan pensyarah turut diberi penekanan melalui sistem **MyATP**. Kebertanggungjawaban (**Accountability**) terhadap pencapaian ini dinilai melalui laporan prestasi tahunan, manakala hasilnya (**Result**) dapat dilihat daripada peningkatan kualiti PdP yang mewajibkan pensyarah merancang tugas serta sasaran tahunan (**Target**). Di samping itu, semua penerbitan dan hasil penyelidikan direkodkan dalam sistem **PRIME**, yang berfungsi sebagai penanda aras sumbangan pensyarah kepada pengembangan ilmu dan reputasi akademik KPSK. Proses ini juga mengikuti kitaran **PDCA** dengan adanya perancangan sasaran, pelaksanaan tugas, semakan hasil penerbitan, dan penambahbaikan untuk tahun berikutnya.

Dari aspek **rangkaian industri**, KPSK juga memberi tumpuan kepada hubungan strategik dengan agensi seni dan industri kreatif dan melibatkan **latihan industri (LI)**, maklum balas majikan, dan kerjasama dalam bentuk **LOI/MOU/MOA**. Tanggungjawab (**Accountability**) dipegang oleh **Bahagian Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)** dan **penyelaras LI**. Keberhasilan (**Result**) dapat diukur melalui tahap kepuasan industri terhadap graduan, kadar kebolehpasaran kerja, serta bilangan kerjasama strategik yang berjaya dimeterai dengan sasaran (**Target**) melahirkan graduan seni kreatif yang berdaya saing. Elemen **ADLI** turut diaplikasikan apabila pendekatan kolaborasi (**Approach**) dilaksanakan (**Deployment**), dinilai keberkesanannya (**Learning**), dan akhirnya diintegrasikan dalam rangka pelan strategik UiTM (**Integration**).

Kesemua inisiatif ini menggambarkan usaha KPSK dalam mempraktikkan model **ART Preciation ATR** dan **ADLI**, serta konsisten dengan prinsip **PDCA**. Dengan pelaksanaan yang berterusan, KPSK bukan sahaja memenuhi keperluan pelajar, malah memastikan graduan seni kreatif yang dihasilkan kompeten, relevan dengan industri, serta berdaya saing di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_T01_TB03_20251_QR CODE GOOGLE FORM BHEP KPSK UITM PUNCAK](#)

[ALAM.ppt](#)

2. [B0082_T01_TB03_20252_TELEGRAM DAN WHATSAPP MENERUSI MPP KPSK SHAH ALAM_PUNCAK ALAM.pdf](#)

3. [B0082_T01_TB03_20253_STUDENT INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM.pdf](#)

4. [B0082_T01_TB03_20254_ERES_UFUTURE UiTM.pdf](#)

5. [B0082_T01_TB03_20255_LOI_MOU_MOA KPSK.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan keperluan program pelajar KPSK dilaksanakan secara berkesan, pemantauan yang terancang menjadi elemen penting. Melalui model ARTpreciation (*Accountability, Result and Target*), setiap inisiatif yang dirancang dipertanggungjawabkan kepada indikator tertentu dengan kebertanggungjawaban menggalas kepimpinan program (*Accountability*), diukur keberhasilannya (*Result*) terhadap sasaran program yang jelas (*Target*). Pendekatan ini bukan sahaja memastikan setiap program dilaksanakan secara telus dan berfokus, malah memberi ruang untuk menilai keberkesanan serta potensi penambahbaikan. Pemantauan juga dilaksanakan melalui pelaporan akhir bagi setiap aktiviti pelajar, khususnya dalam program **LOCUS 2.0** dengan penekanan terhadap aspek impak, keberkesanan dan nilai tambah yang diperolehi. Mekanisme ini akhirnya menjamin bahawa segala kebaikan dan ganjaran yang dihasilkan daripada program tersebut dapat dirasai oleh pelanggan, seterusnya menyokong hasrat UiTM dalam membina legasi kecemerlangan graduan.

Laporan program yang dibentangkan di dalam **mesyuarat postmortem** menjadi mekanisme penting dalam memastikan **keberkesanan pengurusan dan hala tuju kolej**. Melalui model ARTpreciation, setiap laporan yang disediakan dipertanggungjawabkan kepada jawatankuasa (*Accountability*), bagi memastikan proses penilaian dijalankan secara sistematik. Sasaran (*Target*) ditentukan melalui objektif penganjuran program, iaitu memberi pendedahan transformasi ilmu kepada pelajar serta menghubungkan kolej dengan industri dan komuniti. Hasil pelaksanaan (*Result*) pula diukur berdasarkan tahap keberkesanan pameran, penerimaan masyarakat setempat serta impak kerjasama yang diwujudkan bersama pihak industri. Analisis postmortem turut menekankan sejauh mana keterbukaan penerimaan komuniti dapat menjadi indikator kepada kejayaan program. Pendekatan ARTpreciation ini akhirnya membolehkan kolej menilai impak secara menyeluruh, memperkukuh strategi penambahbaikan serta memastikan **keberlangsungan program** yang lebih relevan dan bermanfaat kepada pelajar, industri, komuniti dan institusi.

SENARAI BUKTI:

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Keberkesanan program KPSK di bawah bumbung aktiviti *final year project* – LOCUS sentiasa menjadi keutamaan dalam memastikan pameran yang dianjurkan memberikan impak positif kepada pelajar, industri dan komuniti. LOCUS dilihat sebagai medium strategik dalam menampilkan hasil penyelidikan dan inovasi pelajar, justeru agenda pameran ini perlu sentiasa ditambah baik dari tahun ke tahun agar terus relevan dan signifikan. Dalam memastikan keberkesanan penglibatan pelanggan, aspek pemantauan dan penilaian memainkan peranan penting. Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang boleh menjejaskan hasil aktiviti sekiranya tidak dikenalpasti dan ditangani dengan berkesan.

Salah satu risiko utama ialah tahap penglibatan pelanggan yang rendah sama ada daripada pihak industri mahupun komuniti. Sekiranya kerjasama dengan industri tidak diperkukuh, hasil pembentangan pelajar mungkin kurang mendapat maklum balas yang membina, sekaligus menjejaskan objektif pendedahan ilmu. Sebagai contoh, jika pameran gagal menarik penyertaan syarikat atau agensi berkaitan, maka peluang pelajar mendapatkan pandangan praktikal berkenaan kebolehpasaran produk mereka akan berkurang. Risiko lain adalah kelemahan dalam aspek promosi dan publisiti program. Pameran yang tidak dihebahkan secara meluas boleh menyebabkan jumlah kehadiran rendah, sekali gus mengurangkan impak keterlihatan **LOCUS** kepada khalayak. Sebagai contoh, kekurangan strategi pemasaran digital boleh membataskan capaian maklumat kepada komuniti setempat.

Selain itu, isu teknikal dan logistik juga memberi risiko yang besar. Kegagalan penyediaan ruang pameran atau peralatan yang tidak mencukupi boleh menjejaskan pengalaman pelajar mahupun pengunjung. Contohnya, sistem paparan digital yang gagal berfungsi semasa sesi pembentangan akan merencatkan penyampaian maklumat. Risiko berkaitan keberlanjutan data penilaian juga perlu diberi perhatian. Tanpa rekod penilaian yang sistematik, proses menilai keberkesanan dan merancang penambahbaikan pada masa hadapan menjadi terbatas. Secara keseluruhannya, dengan mengenal pasti risiko-risiko ini secara awal, pihak KPSK dapat merangka strategi mitigasi yang lebih berkesan agar program LOCUS benar-benar mencapai matlamatnya dalam meningkatkan nilai ilmu, memperkukuh jaringan industri-komuniti, serta menyumbang kepada pembinaan graduan UiTM yang kompeten.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_T01_TB04_TC02_20251_3.4 LEARNING – ii\) RISK MANAGEMENT.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam konteks program LOCUS, aspek Learning yang berfokus kepada *Analisa & Improvement* memainkan peranan penting untuk menilai tahap keberkesanan pelaksanaan dan menambah baik strategi program pada masa akan datang. Melalui pendekatan model ARTpreciation (*Accountability, Target dan Result*), setiap inisiatif dalam LOCUS dapat dinilai secara menyeluruh berdasarkan data, pemerhatian, serta maklum balas pelanggan.

Dari sudut Accountability, setiap jabatan yang terlibat dalam LOCUS dipertanggungjawabkan terhadap pelaporan pasca program termasuklah dokumentasi hasil, cabaran serta cadangan penambahbaikan. Analisis menyeluruh ini membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan aktiviti berjaya mencapai objektif yang digariskan. Sebagai contoh, jawatankuasa pameran bertanggungjawab menyediakan laporan impak keberkesanan dari sudut penglibatan industri dan komuniti, sekali gus menjadi asas bagi cadangan penambahbaikan tahun berikutnya.

Bagi aspek Target, analisis berperanan mengukur sejauh mana sasaran awal seperti jumlah pengunjung, tahap keterlibatan industri, serta impak pembelajaran pelajar dapat dicapai. Jika sasaran tidak dipenuhi, ia memberi isyarat bahawa strategi komunikasi, promosi atau pengurusan perlu diperbaiki. Sebagai contoh, sekiranya jumlah pengunjung lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, analisis mungkin mendapati kekurangan dalam promosi digital, lalu menjadi asas cadangan untuk memperkukuh strategi pemasaran secara lebih agresif.

Seterusnya, Result menjadi elemen yang menilai impak sebenar program LOCUS. Hasil analisis keberkesanan melibatkan penilaian maklum balas daripada pengunjung, industri serta pelajar. Jika hasil menunjukkan peningkatan pengiktirafan terhadap projek pelajar, maka strategi sedia ada dianggap efektif. Namun, jika dapatan menunjukkan kurangnya kolaborasi industri, maka penambahbaikan perlu dirangka dengan lebih berfokus.

Kesimpulannya, proses *Analisa & Improvement* melalui model ARTpreciation bukan sekadar menilai pencapaian, tetapi juga menyediakan platform pembelajaran berterusan. Ia membolehkan LOCUS berkembang sebagai program yang dinamik, relevan dan berimpak tinggi, sekali gus menyokong visi UiTM melahirkan graduan yang berdaya saing melalui pengalaman praktikal, pameran inovasi dan jaringan bersama komuniti serta industri.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Elemen integrasi dan pemberat kepada kebudayaan penyelidikan dalam penghasilan produk akhir atau *masterpiece* karya pelajar merupakan aspek penting dalam memastikan hasil kerja yang dihasilkan bukan sahaja mempunyai nilai estetik, tetapi juga didasari oleh asas ilmu, metodologi serta impak yang berkesan. Integrasi di sini merujuk kepada penyepaduan antara teori, kajian lapangan, maklum balas industri dan kreativiti pelajar, manakala pemberat pula menekankan tahap penekanan terhadap aplikasi penyelidikan dalam menghasilkan produk akhir yang berkualiti tinggi.

Melalui proses ini, pelajar digalakkan untuk tidak hanya menghasilkan karya berdasarkan kreativiti semata-mata, tetapi turut mengaplikasikan kaedah penyelidikan saintifik dan reka bentuk. Sebagai contoh, dalam bidang seni reka atau teknologi kreatif, pelajar perlu mengkaji trend pasaran, keperluan pengguna, bahan alternatif serta keberlanjutan (*sustainability*) sebelum menghasilkan *masterpiece* mereka. Elemen penyelidikan ini menjadi integrasi penting yang menghubungkan teori akademik dengan amalan praktikal.

Pemberat kepada kebudayaan penyelidikan pula wujud apabila setiap hasil karya pelajar dinilai bukan hanya dari aspek teknikal atau estetika, tetapi juga dari segi sejauh mana ia berasaskan data, inovasi serta relevan dengan isu semasa. Sebagai contoh, sebuah karya reka bentuk perhiasan yang diinspirasikan daripada warisan budaya perlu disokong dengan penyelidikan tentang motif tradisi, sejarahnya, serta nilai kontemporari yang boleh dipersembahkan dalam bentuk baharu. Ini menjadikan karya tersebut lebih bermakna dan berimpak tinggi, bukan sekadar hiasan visual.

Selain itu, integrasi penyelidikan juga memberi peluang kepada pelajar untuk membina kemahiran kritis, analitikal dan reflektif. Mereka mampu mengenal pasti permasalahan, mencari penyelesaian melalui kajian, seterusnya menterjemah dapatan tersebut ke dalam bentuk karya yang autentik. Pemberat yang diletakkan pada aspek ini menjadikan penyelidikan sebagai budaya kerja, bukannya sekadar syarat akademik.

Kesimpulannya, integrasi dan pemberat kepada kebudayaan penyelidikan dalam penghasilan produk akhir atau *masterpiece* bukan sahaja meningkatkan kualiti karya pelajar, malah memastikan ia relevan dengan keperluan industri, komuniti dan perkembangan global. Elemen ini akhirnya menyumbang kepada pembentukan graduan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_T01_TB05_20251_3.5 INTEGRATION .pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan dan pembangunan pelajar di PTJ dilaksanakan secara sistematik melalui proses Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan yang berpandukan kitaran *Plan–Do–Check–Act* (PDCA) dan prinsip *Approach, Deployment, Learning, Integration* (ADLI). Pendekatan ini memastikan setiap strategi dan tindakan yang dilaksanakan adalah terancang, berimpak tinggi, dan mampu memberikan nilai tambah kepada pembangunan sahsiah, akademik, serta kemahiran pelajar.

Plan (Perancangan)

Perancangan dimulakan dengan mengenal pasti keperluan, keutamaan dan jurang pembangunan pelajar melalui kajian data prestasi, kadar kehadiran, pencapaian akademik, tahap penglibatan kokurikulum, serta maklum balas daripada pelajar, pensyarah dan pihak industri. Analisis awal ini membolehkan sasaran yang jelas ditetapkan, antaranya meningkatkan penyertaan pelajar dalam program pembangunan sahsiah, memperkukuh kemahiran insaniah, menggalakkan penglibatan kepimpinan pelajar, serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Perancangan juga diselaraskan dengan halatuju universiti untuk melahirkan graduan holistik, bercirikan kepimpinan berintegriti dan kompetensi global.

Do (Pelaksanaan)

Pelaksanaan merangkumi penganjuran pelbagai inisiatif pembangunan pelajar secara berfasa, termasuk bengkel kemahiran insaniah, kursus kepimpinan, program pementoran, dan seminar motivasi. Bagi memastikan keberkesanan, pendekatan blended learning digunakan, menggabungkan kaedah bersemuka dan atas talian. Kerjasama strategik dijalinakan bersama alumni, pihak industri dan agensi luar untuk memperluas peluang pendedahan pelajar kepada pengalaman sebenar di lapangan. Kaedah komunikasi pelbagai saluran seperti portal pelajar, media sosial rasmi, e-mel berkala, dan sesi libat urus bersemuka turut digunakan bagi memastikan capaian maklumat program adalah meluas dan inklusif.

Check (Pemantauan)

Pemantauan dijalankan secara berkala bagi menilai keberkesanan program dan strategi yang dilaksanakan. Penilaian dibuat menggunakan indikator prestasi utama (KPI) seperti tahap kepuasan peserta, jumlah penyertaan, penguasaan kemahiran tertentu, dan keberhasilan projek. Instrumen penilaian seperti borang maklum balas, tinjauan kepuasan, laporan aktiviti, serta analisis data prestasi digunakan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh. Data ini dianalisis bagi mengenal pasti trend pencapaian, membuat perbandingan dalaman (internal benchmarking) dan luaran (external benchmarking), serta mengesan jurang prestasi yang memerlukan perhatian segera.

Act (Tindakan Penambahbaikan)

Berdasarkan hasil pemantauan dan analisis, tindakan penambahbaikan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti program. Antara langkah yang diambil termasuk menambah baik modul sedia ada, memperkenalkan pendekatan pembelajaran inovatif, serta memperkukuh rangkaian kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan. Penekanan turut diberikan kepada aspek pengurusan pengetahuan melalui pendokumentasian amalan terbaik, perkongsian maklumat secara sistematik, dan penyimpanan data dalam pangkalan maklumat universiti untuk rujukan serta perancangan masa hadapan. Maklum balas pelajar dan pihak industri digunakan sebagai input utama untuk memastikan program yang dibangunkan kekal relevan, responsif terhadap perubahan, serta inklusif kepada semua kumpulan pelajar.

Kesimpulan

Pendekatan PDCA yang disokong oleh prinsip ADLI ini membolehkan PTJ melaksanakan pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan dengan berkesan. Strategi ini bukan sahaja membantu memperkukuh kualiti pengurusan pembangunan pelajar, malah menyumbang

kepada pencapaian misi universiti dalam melahirkan graduan yang cemerlang dari segi akademik, kepimpinan, dan sumbangan kepada komuniti. Usaha berterusan ini mewujudkan budaya kerja berasaskan data, penambahbaikan berterusan, dan penyelarasan strategik yang akhirnya memastikan pembangunan pelajar sentiasa berada pada tahap optimum dan berimpak tinggi.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mengukur pencapaian bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar melalui program *Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS)*, PTJ menggunakan gabungan ukuran kuantitatif dan kualitatif yang merangkumi output, outcome, proses dan perbandingan. Pendekatan ini diselaraskan dengan objektif utama program untuk mempromosikan program KPSK, membangunkan bakat pelajar, memperkukuh jaringan industri, dan melibatkan komuniti seni.

Ukuran Output (Hasil Langsung)

Keberhasilan program diukur melalui data penyertaan dan pameran. LOCUS mencatatkan 304 kehadiran peserta secara keseluruhan, dengan 368 orang pada hari pertama dan 296 orang pada hari kedua. Sebanyak 4 karya pelajar cemerlang dipamerkan, bersama 16 booth yang mewakili program di KPSK. Penglibatan aktif 160 ahli jawatankuasa dan pelajar membuktikan komitmen tinggi terhadap kejayaan penganjuran. Selain itu, Anugerah IKON pelajar diberikan mengikut setiap program sebagai pengiktirafan prestasi pelajar.

Ukuran Outcome (Keberkesanan)

Penilaian outcome memberi fokus kepada pencapaian objektif program. LOCUS berjaya meningkatkan pendedahan masyarakat dan pihak industri terhadap program-program KPSK. Program ini memupuk minat generasi muda, menggalakkan interaksi kreatif, dan memperkukuh hubungan kerjasama antara pelajar, fakulti, industri, dan komuniti seni. Bagi pelajar semester akhir, LOCUS menjadi platform latihan praktikal dalam pengurusan acara, komunikasi, kolaborasi, dan promosi kreatif.

Ukuran Proses (Keberkesanan Pelaksanaan)

Proses pelaksanaan dinilai melalui keberkesanan pengurusan acara dan teknikal. LOCUS dianjurkan secara bersemuka di Pavilion Bukit Jalil pada 22–23 Februari 2025, merangkumi pameran, bengkel, perbincangan seni, zon demo kreatif, dan aktiviti interaktif seperti kuiz dan scavenger hunt. Jadual aturcara yang terperinci memastikan penyampaian aktiviti berjalan lancar.

Ukuran Perbandingan dan Penilaian

Penilaian dalaman dilakukan untuk mengukur keberkesanan dari aspek pengurusan, penyertaan dan pencapaian objektif. Analisis pasca program mengenal pasti keperluan penambahbaikan termasuk perancangan kewangan lebih awal, penetapan tarikh tahunan, komunikasi yang lebih sistematik antara penyelaras jabatan, dan promosi strategik menggunakan media sosial dengan kandungan terancang.

Penunjuk Kewangan

LOCUS 2025 dilaksanakan dengan peruntukan RM20,857.30. Perbelanjaan tertumpu kepada sewaan tempat, jamuan makanan, percetakan bahan promosi, honorarium, keperluan logistik dan teknikal, serta bayaran panel penilai. Keberkesanan pengurusan kewangan menjadi salah satu faktor penting yang dianalisis bagi memastikan kelestarian penganjuran pada masa hadapan.

Kesimpulan

Pendekatan pengukuran LOCUS menggabungkan indikator yang menyeluruh untuk memastikan setiap aspek pencapaian dapat dinilai dengan tepat. Data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpulkan bukan sahaja membuktikan keberkesanan pelaksanaan, malah menjadi asas kukuh bagi penambahbaikan strategik pada penganjuran akan datang, selaras dengan matlamat PTJ untuk memacu pembangunan pelajar secara holistik dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [B0082_A01_AB02_20251_Pendekatan.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar melalui Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS) dilaksanakan secara berstruktur berasaskan prinsip ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration) dan ARTpreciation Model (Accountability, Result, Target) bagi memastikan keberkesanan pengurusan data, penilaian program, dan perancangan penambahbaikan berterusan. Dari sudut Accountability, pendekatan pengumpulan data dilaksanakan secara sistematik menggunakan rekod kehadiran manual dan digital bagi peserta, pengunjung, alumni, tetamu industri, dan VIP; senarai pameran yang melibatkan 4 karya pelajar cemerlang dan 16 booth; soal selidik pasca program untuk mengukur kepuasan dan impak; serta laporan kewangan terperinci berjumlah RM20,857.30 yang merangkumi sewaan tempat, logistik, teknikal, percetakan, honorarium, dan panel penilai.

Bagi Deployment, data dikumpul secara harian untuk kehadiran dan penglibatan aktiviti, manakala soal selidik dijalankan selepas program bagi semua kategori peserta. Laporan kewangan dan aktiviti pula disediakan selepas program dan dibentangkan dalam mesyuarat pasca acara. Proses ini disokong oleh jadual pengumpulan data yang tetap, seperti pengumpulan kehadiran dan penyertaan aktiviti setiap hari, maklum balas kepuasan selepas program, serta laporan kewangan pasca acara untuk analisis keberkesanan bajet.

Dari aspek Result, analisis menunjukkan jumlah kehadiran melebihi sasaran (Hari 1: 368 orang, Hari 2: 296 orang) dengan sambutan positif terhadap pelbagai aktiviti termasuk bengkel, zon demo kreatif, art scavenger hunt, dan perbincangan seni. Responden menilai kekuatan program terletak pada kepelbagaian aktiviti, namun mencadangkan promosi yang lebih strategik dan tempoh persiapan yang lebih awal. Melalui Learning, dapatan ini digunakan untuk menambah baik perancangan akan datang, seperti menetapkan tarikh tetap tahunan LOCUS, memperkukuh komunikasi antara PIC dan koordinator melalui penggunaan platform fail bersama, serta merancang promosi media sosial berfasa meliputi teaser, sorotan aktiviti, dan pengenalan peserta serta karya.

Akhirnya, dari perspektif Target, sasaran kuantitatif ditetapkan untuk meningkatkan kehadiran pengunjung kepada 800 orang dalam edisi seterusnya, mencapai skor kepuasan peserta sekurang-kurangnya 90% dalam soal selidik, dan mempercepatkan proses kelulusan kewangan kepada maksimum dua minggu sebelum acara. Pendekatan bersepadu ini memastikan LOCUS bukan sahaja mencapai objektif semasa, malah memperkukuh keberkesanan masa depan, sekaligus menyumbang kepada aspirasi UiTM untuk melahirkan graduan berdaya saing, kreatif, dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_A01_AB03_20251_4.3 PERLUASAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan keberkesanan program Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS) dilaksanakan secara berterusan melalui kaedah analisis data yang berstruktur, selaras dengan prinsip ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration) dan kerangka ARTpreciation Model (Accountability, Result, Target). Proses ini memastikan setiap dapatan daripada penganjuran dapat digunakan untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar.

Dari segi Accountability, pemantauan bermula dengan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif seperti jumlah kehadiran harian, bilangan karya dipamerkan, penglibatan booth, maklum balas soal selidik, dan laporan kewangan. Data ini dikompilasikan oleh jawatankuasa program dan disahkan oleh penyelaras sebelum dibentangkan kepada pihak pengurusan PTJ.

Bagi Result, analisis menunjukkan pencapaian kehadiran melebihi sasaran (Hari 1: 368 orang, Hari 2: 296 orang), sambutan positif terhadap kepelbagaian aktiviti, dan skor kepuasan yang tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan juga mengenal pasti jurang seperti tempoh persiapan yang terhad dan keperluan promosi yang lebih strategik.

Melalui Learning, hasil penganalisan ini dikongsi secara terbuka dalam mesyuarat pasca program, melibatkan semua koordinator bidang, PIC, dan wakil pelajar. Perkongsian ini memberi ruang kepada setiap pihak untuk membincangkan amalan terbaik dan isu yang timbul, seterusnya menghasilkan cadangan penambahbaikan. Antara cadangan yang dilaksanakan termasuk penetapan tarikh tetap tahunan LOCUS, penyediaan pelan promosi media sosial berfasa, dan penstrukturan semula senarai semak persediaan.

Aspek Integration pula memastikan semua dapatan ini diintegrasikan ke dalam perancangan program seterusnya. Dokumen standard operasi (SOP) dikemas kini, komunikasi antara PIC diperkukuh melalui platform fail bersama, dan jadual pelaksanaan dioptimumkan untuk mengelakkan pertindihan aktiviti.

Pendekatan pemantauan ini membolehkan LOCUS berfungsi bukan sahaja sebagai acara tahunan, tetapi juga sebagai mekanisme penilaian prestasi yang memberi impak kepada pembangunan pelajar. Dengan mengekalkan akauntabiliti, menilai hasil secara objektif, dan menetapkan sasaran penambahbaikan yang jelas, PTJ dapat memastikan kesinambungan kualiti dan keberkesanan program selaras dengan aspirasi kecemerlangan UiTM.

SENARAI BUKTI:

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Proses mengenal pasti risiko pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan bagi Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS) dilaksanakan secara berstruktur berasaskan prinsip ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration) dan kerangka ARTpreciation Model (Accountability, Result, Target). Analisis risiko ini memberi tumpuan kepada aspek ketepatan data, kebolehpercayaan analisis, dan kelestarian pengetahuan yang diperoleh daripada penganjuran program.

Dari sudut Accountability, risiko dikenal pasti melalui semakan pelaksanaan LOCUS 2025. Antara risiko utama termasuk kelewatan penyaluran peruntukan kewangan yang dilaporkan dalam mesyuarat pasca program, yang memberi kesan kepada tempoh penyediaan logistik dan teknikal

. Risiko lain ialah potensi ketidaklengkapan data kehadiran harian (Hari 1: 368 orang, Hari 2: 296 orang) jika pendaftaran tidak konsisten antara kaedah manual dan digital, serta kadar respons rendah bagi soal selidik pasca program yang boleh menjejaskan ketepatan analisis kepuasan peserta.

Bagi Deployment, risiko operasi dikenal pasti melalui pemerhatian terhadap perjalanan acara. Isu capaian internet di Pavilion Bukit Jalil boleh menjejaskan pengumpulan data secara atas talian. Selain itu, jadual atur cara yang padat berisiko mengurangkan masa yang diperuntukkan untuk pelaksanaan tinjauan dan pengesahan data di tapak acara. Risiko percanggahan rekod antara penyelarasan bidang juga berpotensi berlaku jika tiada prosedur pengesahan silang dilaksanakan.

Melalui Learning, pengalaman penganjuran LOCUS menunjukkan bahawa promosi yang bermula lewat memberi kesan kepada liputan khalayak dan potensi jumlah pengunjung. Kelemahan dalam tempoh persiapan turut meningkatkan risiko kegagalan mencapai sasaran promosi dan pengumpulan data. Berdasarkan dapatan ini, langkah penambahbaikan yang dikenal pasti termasuk penetapan tarikh tetap tahunan LOCUS, pengukuhan perancangan promosi berfasa, dan penggunaan pelbagai saluran pengumpulan data.

Akhirnya, dalam Integration, semua risiko yang telah dikenal pasti dimasukkan ke dalam Pelan Pengurusan Risiko LOCUS. Langkah mitigasi termasuk: menyediakan backup pendaftaran manual sekiranya sistem digital gagal; menggunakan platform simpanan awan untuk perkongsian data secara masa nyata; mengedarkan senarai semak persediaan yang dikemas kini; dan melaksanakan ujian sistem pendaftaran sebelum acara. Pendekatan ini memastikan semua data dapat dikumpulkan secara konsisten, dianalisis dengan tepat, dan digunakan untuk memperkukuh perancangan LOCUS pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengenali semula dan melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS) dilaksanakan secara sistematik mengikut prinsip ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration) dan ARTpreciation Model (Accountability, Result, Target), bagi memastikan setiap penambahbaikan berdasarkan analisis data yang tepat dan pengalaman penganjuran terdahulu.

Dari aspek Accountability, analisis pasca program dibuat melalui mesyuarat penutup bersama semua penyelarasan bidang, PIC, dan wakil pelajar. Data yang dianalisis meliputi statistik kehadiran (Hari 1: 368 orang, Hari 2: 296 orang), penyertaan booth (16 booth), bilangan karya yang dipamerkan (4 karya pelajar cemerlang), laporan kewangan (RM20,857.30), dan maklum balas soal selidik peserta. Proses ini mengenal pasti kekuatan utama seperti kepelbagaian aktiviti, namun turut mendedahkan kelemahan seperti promosi yang bermula lewat, tempoh persiapan yang singkat, dan cabaran logistik akibat kelewatan peruntukan kewangan.

Dalam Deployment, hasil analisis digunakan untuk membangunkan pelan tindakan penambahbaikan. Langkah yang telah dan akan diambil termasuk: menetapkan tarikh tetap tahunan LOCUS bagi memudahkan perancangan; menyusun pelan promosi media sosial secara berfasa dengan kandungan terancang (teaser, sorotan aktiviti, pengenalan peserta); memperkukuh koordinasi antara PIC melalui platform fail bersama; dan memperkemas prosedur kelulusan kewangan dengan penglibatan awal pegawai kewangan.

Dari segi Learning, pengalaman penganjuran menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai saluran komunikasi (media sosial, jemputan rasmi, promosi kolaboratif dengan industri) dapat meningkatkan capaian khalayak. Analisis juga menegaskan keperluan untuk mengadakan ujian sistem pendaftaran sebelum acara bagi mengurangkan risiko data hilang atau bercanggah.

Akhirnya, melalui Integration, semua penambahbaikan dimasukkan ke dalam Dokumen Standard Operasi (SOP) LOCUS untuk digunapakai pada penganjuran akan datang. Pemantauan keberkesanan tindakan ini akan dilakukan secara berkala, dengan sasaran kuantitatif seperti peningkatan kehadiran pengunjung kepada 800 orang dan skor kepuasan melebihi 90%. Pendekatan ini memastikan LOCUS bukan sekadar acara tahunan, tetapi platform pembangunan pelajar yang sentiasa diperkukuh keberkesannya.

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS) telah memberi kesan yang signifikan terhadap pembentukan budaya kerja yang sistematik, terancang, dan berorientasikan pencapaian di bawah bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. LOCUS kini menjadi salah satu manifestasi jelas kepada kemenjadian ARTpreciation Model UiTM yang menggabungkan tiga teras utama iaitu Accountability, Result, dan Target, dengan prinsip ADLI iaitu Approach, Deployment, Learning, Integration sebagai panduan menyeluruh dalam pengurusan dan pelaksanaan program.

Dari segi Accountability, LOCUS telah berjaya memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan semua pihak yang terlibat. Ini merangkumi penyelarasan bidang, pelajar, staf pentadbiran, serta pihak pengurusan PTJ. Rasa tanggungjawab ini diperkukuh melalui penetapan peranan yang jelas, penggunaan senarai semak persediaan, pelaporan harian yang telus, serta pemantauan secara langsung semasa penganjuran acara. Proses pengumpulan data kehadiran, maklum balas peserta, dan laporan kewangan dilaksanakan secara konsisten mengikut prosedur operasi standard yang telah dibangunkan. Budaya ini menjadikan setiap pihak memahami bahawa kejayaan LOCUS bergantung kepada komitmen kolektif dan kepatuhan terhadap sistem yang telah dipersetujui.

Dalam aspek Result, LOCUS telah membuktikan bahawa penambahbaikan yang dibuat selepas penganjuran terdahulu memberi hasil yang ketara. Pelaksanaan pelan promosi berfasa, penggunaan media sosial secara strategik, penetapan tarikh tetap tahunan, dan pengurusan data secara digital telah meningkatkan capaian khalayak serta penyertaan pelajar. Program ini berjaya menarik jumlah kehadiran yang tinggi, mempamerkan hasil karya kreatif pelajar kepada khalayak luas, serta membina hubungan strategik antara pelajar, alumni, industri, dan komuniti seni. Hasil yang dicapai bukan sahaja memenuhi sasaran prestasi, malah memperkukuh reputasi UiTM sebagai peneraju dalam pendidikan seni kreatif.

Elemen Learning daripada LOCUS tidak terhenti selepas program berakhir. Setiap penganjuran disusuli dengan sesi pasca acara yang menjadi medan pembelajaran bersama. Dalam sesi ini, amalan terbaik didokumentasikan sebagai rujukan, manakala kelemahan dibincangkan secara terbuka dengan fokus kepada penyelesaian yang konstruktif. Semua cadangan penambahbaikan dimasukkan ke dalam Dokumen Standard Operasi untuk memastikan kesinambungan kualiti pada penganjuran seterusnya. Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh daripada LOCUS turut dikongsi serta diaplikasikan dalam program lain di bawah KPSK dan PTJ, menjadikannya sumber rujukan yang bernilai untuk pengurusan acara berskala besar.

Akhirnya, dari sudut Integration, pendekatan dan amalan yang dibangunkan melalui LOCUS kini diadaptasi secara meluas sebagai kerangka asas untuk program akan datang. Ini termasuk kaedah pengurusan data yang berpusat dan mudah diakses, strategi promosi media sosial berjadual, penggunaan platform simpanan awan untuk perkongsian dokumen, dan pendaftaran peserta secara digital. Kaedah ini telah diangkat sebagai amalan tetap bukan sahaja untuk LOCUS, tetapi juga untuk semua program pembangunan pelajar, seni, dan kebudayaan di peringkat fakulti dan universiti. LOCUS kini bukan sekadar acara tahunan tetapi model ARTpreciation in action yang memadukan akauntabiliti, hasil yang boleh diukur, dan sasaran strategik sebagai budaya kerja. Integrasi ini meletakkan LOCUS sebagai pelan induk yang berupaya berkembang mengikut keperluan semasa, menjadi inspirasi dan kerangka asas bagi penganjuran program kreatif masa hadapan yang lebih berimpak, inklusif, dan mampan. Segala hasil pelaksanaan dan pencapaian ini akan dibentangkan dalam kerangka model ARTpreciation dengan LOCUS sebagai penanda aras utama untuk mengukur kualiti dan keberkesanan program pada masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082 A01 AB05 20251 B0082 A01 AB05 20251 Integrasi.pdf](#)



KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) sentiasa komited dalam melaksanakan tadbir urus program pembangunan pelajar yang berkesan, terancang, dan berimpak tinggi selaras dengan **Hala Tuju Strategik KPSK 2024** serta visi UiTM sebagai *Globally Renowned University*. Perancangan program berpandukan strategi semasa yang menekankan pencapaian **10 Penunjuk Prestasi (PI) Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPSK** termasuk *Service Learning Malaysia–University for Society (SULAM)*, keusahawanan kreatif, kesukarelawan, kepimpinan, inovasi, e-Sukan, dan kemahiran komunikasi. Bagi memastikan keselarasan hala tuju ini, pelaksanaan program dirancang melalui dua kaedah utama iaitu pengintegrasian dalam kursus akademik dan pelaksanaan melalui portfolio koordinator HEP, di mana setiap program akademik memerlukan kelulusan daripada Dekan Akademik sebelum dilaksanakan, dengan jawatankuasa pelaksana terdiri daripada pensyarah penasihat kursus dan pelajar yang terlibat. Perancangan melibatkan mesyuarat di peringkat jabatan atau bidang pengajian, manakala dokumentasi program disediakan mengikut *Standard Operating Procedure (SOP) HEP KPSK*. Dalam aspek komunikasi, penyampaian maklumat dibuat melalui perbincangan strategi dan taklimat program yang turut disiarkan di saluran YouTube KPSK, laman web HEP KPSK sebagai pusat rujukan prosedur dan aliran kerja, serta hebahan rasmi melalui e-mel dan panggilan telefon bagi urusan segera. Mesyuarat berkala bersama Pengurusan Tertinggi KPSK, Dekan, dan pelajar diadakan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan. Dari segi kerjasama strategik, KPSK memanfaatkan jaringan MoU/MoA/Lol bersama industri kreatif, komuniti tempatan, dan alumni, selaras dengan sasaran 2024 untuk meningkatkan pengiktirafan program di peringkat nasional dan antarabangsa, di samping memberi nilai tambah kepada pengajaran dan pembelajaran melalui pendedahan dunia sebenar. Dalam usaha memberi pengiktirafan dan motivasi, pensyarah peneraju program diberikan surat kelulusan rasmi, manakala pelajar dan peserta menerima sijil penghargaan sebagai dorongan untuk penglibatan aktif. Pengurusan risiko menjadi keutamaan bagi mengenal pasti kelemahan atau kekangan yang berpotensi menjejaskan keberkesanan program, dengan langkah kawalan, pemantauan, dan kajian semula dijalankan secara berterusan. Maklum balas daripada pemegang taruh (stakeholders) dijadikan asas kepada penambahbaikan berterusan (*Continuous Quality Improvement*), memastikan setiap program yang dirancang bukan sahaja mencapai sasaran strategik 2024 tetapi turut memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi memperkasa kemahiran insaniah pelajar, memupuk kepimpinan yang berwawasan global, dan mengukuhkan peranan KPSK sebagai peneraju dalam pembangunan pelajar kreatif di UiTM.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) pada tahun 2024 terus memperkukuh peranan **Pengurusan Sumber Manusia** sebagai tonggak utama dalam memastikan keberkesanan operasi dan pembangunan modal insan yang selaras dengan **Hala Tuju Strategik KPSK 2024** dan visi UiTM sebagai *Globally Renowned University*. Bahagian Sumber Manusia KPSK beroperasi di tujuh lokasi strategik, iaitu Kampus Shah Alam (Kompleks Ilham, Menara SAAS, CMThub, Kampus Seksyen 17), Kampus Jalan Othman, Kampus Puncak Perdana, dan Kampus Puncak Alam, dengan mandat untuk memastikan penglibatan optimum staf akademik dan staf sokongan dalam merancang, melaksana, dan menyokong program berimpak tinggi yang menyumbang kepada pencapaian penunjuk prestasi tahunan universiti. Sepanjang tahun 2024, Bahagian Sumber Manusia bukan sahaja bertindak sebagai unit sokongan, malah berperanan secara langsung dalam perancangan dan penyediaan program kemahiran serta pembangunan pengetahuan melalui aktiviti anjuran jabatan, kelab, atau persatuan yang mendapat kelulusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPSK. Pemilihan penasihat kelab, persatuan, atau staf yang terlibat dengan program pelajar dilaksanakan secara telus melalui mesyuarat dalaman jabatan yang diminitkan, seterusnya dikeluarkan surat lantikan rasmi oleh Ketua Bidang bagi memastikan peranan dan tanggungjawab jelas didokumenkan. Bagi menjamin kelancaran pelaksanaan program, terutama yang melibatkan penganjuran di luar kampus, Bahagian Sumber Manusia memastikan aspek mobiliti staf, penyediaan kemudahan penempatan, koordinasi logistik, dan penyelarasan kewangan diurus dengan rapi mengikut piawaian universiti. Tahun 2024 juga menyaksikan penglibatan aktif Bahagian Sumber Manusia dalam menyokong pelaksanaan program berprestij seperti *Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts*, *1st International Business Start Up League Competition*, dan *Pertandingan Barang Kemas Milano Jewellery*, yang memerlukan penyelarasan intensif antara pelbagai pihak berkepentingan dalam dan luar negara. Peranan ini menjadi lebih signifikan dalam program peringkat antarabangsa yang menuntut pengurusan risiko menyeluruh, pematuhan kepada protokol global, dan koordinasi berkesan untuk memastikan imej UiTM dan KPSK kekal cemerlang. Seiring dengan hala tuju strategik tahun ini, pengurusan sumber manusia juga memberi tumpuan kepada pengukuhan kolaborasi industri, komuniti, dan alumni melalui kerangka MoU/MoA/Lol bagi memastikan pengajaran, pembelajaran, dan pembangunan pelajar terus relevan dengan keperluan industri kreatif dan dinamik global. Selain itu, usaha penambahbaikan berterusan (*Continuous Quality Improvement*) dilaksanakan dengan mengumpul maklum balas pemegang taruh, menganalisis keberkesanan program, dan merangka langkah strategik bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan pada masa hadapan. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi KPSK untuk membina ekosistem pengurusan sumber manusia yang bukan sahaja responsif terhadap keperluan semasa tetapi juga proaktif dalam merancang pembangunan jangka panjang, sekaligus memacu kecemerlangan organisasi dan memastikan setiap program memberi impak positif, meningkatkan kemahiran insaniah pelajar, memupuk kepimpinan berwawasan global, serta mengukuhkan kedudukan KPSK sebagai peneraju pendidikan seni kreatif di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [F0035_S01_SB02_20251_Bukti 5.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_S01_SB02_20252_Bukti 5.2 Pendekatan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.
- 7.
- 8.
- 9.

10.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sentiasa menyokong dan terlibat secara aktif dengan perancangan strategik KPSK melalui Unit Hal Ehwal Pelajar bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, khususnya mahasiswa, dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan. Usaha ini selari dengan hasrat UiTM menyediakan urus tadbir yang tangkas (*agile governance*) melalui pelantikan koordinator mengikut portfolio khusus, antaranya Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Koordinator Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar, Koordinator Persatuan Pelajar, serta Koordinator Ketampakan dan Kelestarian Pelajar. Selain itu, terdapat juga pelantikan penyelarar di bawah Unit Pembangunan Kerjaya, Kaunseling, OKU dan Disiplin, Penyelarar Program Profesional, Penyelarar Pertandingan dan Pengantarabangsa, serta Penyelarar Kemahiran Insaniah, Kesukarelawan dan Kenegaraan, yang bekerjasama rapat dengan Unit Kaunseling & Bimbingan Kerjaya serta pihak industri. Pelantikan ini membolehkan pelbagai program pembangunan dan kepimpinan pelajar dilaksanakan bagi memastikan nilai tambah pembangunan pelajar terus selaras dengan misi dan visi UiTM dalam melahirkan graduan yang holistik dan unggul dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi, dan sosial. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan pada tahun 2024 ialah **Program LOCUS 2.0 (Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase)**, iaitu platform utama bagi pelajar KPSK mempamerkan bakat, kreativiti, dan hasil kerja terbaik mereka dalam bidang seni kreatif, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara pelajar, industri, dan komuniti. Program ini menjadi medium strategik untuk membangunkan kemahiran insaniah pelajar melalui penganjuran, pengurusan acara, komunikasi profesional, dan kerja berpasukan, selain membuka peluang pendedahan kepada dunia industri sebenar melalui penyertaan rakan strategik luar. LOCUS 2.0 juga berperanan sebagai ruang pengiktirafan kepada pelajar cemerlang, di mana hasil kerja mereka dinilai oleh panel pakar industri dan akademik, seterusnya memberi nilai tambah kepada profil profesional mereka. Melalui pelaksanaan program ini, mahasiswa memperoleh pengalaman praktikal dalam aspek perancangan projek, pengurusan logistik, pemasaran acara, dan penglibatan komuniti, sekali gus meningkatkan daya saing mereka di pasaran kerja. Bahagian Sumber Manusia KPSK memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran LOCUS 2.0 dengan memaksimumkan kepakaran dan pengalaman staf akademik serta sokongan, selain menyediakan fasiliti, logistik, dan peruntukan kewangan yang diperlukan. Kejayaan penganjuran LOCUS 2.0 bukan sahaja memperkukuh reputasi KPSK sebagai pusat kecemerlangan seni kreatif, malah menyumbang kepada agenda strategik UiTM dalam memperkasa graduan yang holistik, berkemahiran tinggi, dan berdaya saing di peringkat nasional serta antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_S01_SB03_20251_Bukti 5.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_S01_SB03_20252_Bukti 5.3 Perluasan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.
- 7.
- 8.
- 9.
- 10.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan keberkesanan penganjuran **Program LOCUS 2.0 (Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase)** pada tahun 2024, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPSK telah melaksanakan mekanisme pemantauan berstruktur melalui penggunaan borang pelaporan rasmi yang diisi oleh penganjur atau pemohon selepas program selesai dijalankan. Proses ini membolehkan HEP dan pengurusan KPSK menilai tahap pencapaian objektif, keberkesanan pelaksanaan, serta mengenal pasti ruang penambahbaikan. Penilaian tidak hanya bergantung pada laporan bertulis, malah turut mengambil kira indikator populariti dan relevansi program, antaranya jumlah kehadiran pengunjung, penyertaan pelajar, dan penglibatan pihak luar seperti wakil agensi kerajaan, organisasi swasta, industri kreatif, dan alumni. Dalam konteks LOCUS 2.0, data menunjukkan peningkatan penyertaan berbanding edisi sebelumnya, dengan pelbagai kolaborasi strategik yang berjaya direalisasikan, sekali gus menandakan keberkesanan program dalam menarik minat komuniti seni dan industri. Kejayaan ini turut diukur melalui liputan dan interaksi di platform media sosial rasmi KPSK seperti Instagram, Facebook, dan laman sesawang, di mana hebahan berterusan mengenai aktiviti, pencapaian, dan pengiktirafan staf serta pelajar mendapat sambutan positif daripada pengikut dan pemegang taruh. Penglibatan aktif warga KPSK, khususnya staf akademik dan sokongan, dalam menyokong pengurusan logistik, teknikal, serta penyelarasan acara telah diiktiraf secara terbuka, sekali gus mewujudkan persekitaran kerja yang kolaboratif dan bermotivasi tinggi. Hasil pemantauan juga menunjukkan bahawa sistem kerja sedia ada, termasuk proses koordinasi antara HEP, Bahagian Sumber Manusia, dan jawatankuasa pelaksana, adalah efektif dalam menyokong kelancaran program berskala besar seperti LOCUS 2.0. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada borang pelaporan turut mencadangkan beberapa penambahbaikan, khususnya dalam aspek penjadualan awal aktiviti, pengukuhan promosi digital, dan peluasan jaringan industri antarabangsa. Secara keseluruhan, tahap kepuasan warga KPSK terhadap persekitaran dan sistem kerja dalam penganjuran LOCUS 2.0 berada pada tahap tinggi, didorong oleh pengiktirafan pencapaian, sokongan organisasi yang kukuh, dan peluang pembangunan profesional yang terhasil daripada kejayaan program ini.

SENARAI BUKTI:

1. [F0035_S01_SB04_SC01_20251_Bukti 5.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_S01_SB04_SC01_20252_Bukti 5.4 Pemantauan Kenalpasti Risiko_Kaji Semula.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pihak KPSK amat teliti dalam proses perancangan dan pengendalian program pelajar yang melibatkan staf akademik dan sokongan, termasuk penganjuran **LOCUS 2.0 (Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase)** pada tahun 2024. Setiap perancangan dilaksanakan mengikut aliran kerja dan ketetapan yang ditetapkan oleh pengurusan KPSK, khususnya melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan pematuhan kepada piawaian universiti. Langkah pertama dalam mengenal pasti risiko adalah melalui pengisian borang permohonan program secara atas talian di laman web rasmi HEP KPSK, yang wajib disertakan maklumat lengkap seperti tujuan, latar belakang, objektif, implikasi kewangan, jumlah peserta, perincian aktiviti, dan keperluan fasiliti. Proses ini membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti potensi risiko lebih awal, sama ada dari aspek logistik, keselamatan, kewangan, atau pematuhan garis panduan. Perancangan rapi juga memastikan semua kemudahan dan keperluan pelajar serta staf mencukupi sebelum dan semasa program berlangsung. Selain itu, semua bahan promosi dan hebahan LOCUS 2.0 perlu mendapat kelulusan Ketua Bidang dan seterusnya disemak oleh Unit Korporat KPSK bagi memastikan kandungan mematuhi peraturan, etika, dan penggunaan *branding* UiTM yang betul. Bagi LOCUS 2.0, pengurusan risiko turut melibatkan pelan mitigasi seperti jadual alternatif sekiranya berlaku perubahan lokasi atau cuaca, penyediaan pelan keselamatan bagi pengurusan pengunjung yang ramai, serta pemantauan teknikal berterusan sepanjang acara. Di samping itu, pihak KPSK memastikan setiap penyertaan industri, komuniti, dan alumni disemak dari segi kesesuaian kolaborasi dan pematuhan undang-undang berkaitan. Kejayaan pelaksanaan LOCUS 2.0 tanpa insiden keselamatan atau gangguan besar membuktikan keberkesanan pendekatan pengurusan risiko yang dilaksanakan, selain menunjukkan bahawa sistem kawalan kualiti KPSK mampu meminimumkan risiko sambil memaksimumkan impak positif kepada pelajar, staf, dan pihak berkepentingan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_S01_SB04_SC02_20251_Bukti 5.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_S01_SB04_SC02_20252_Bukti 5.4 Pemantauan_Kenalpasti Risiko_Kaji Semula.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KPSK sentiasa berusaha memperbaiki proses kerja dan prosedur sedia ada secara efektif bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif untuk semua warga, khususnya dalam pelaksanaan program berimpak tinggi seperti **LOCUS 2.0 (Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase)**. Pendekatan ini dilaksanakan dengan mengambil tindakan yang munasabah untuk memenuhi keperluan pelanggan dalaman dan luaran serta meningkatkan tahap kepuasan mereka. Usaha penambahbaikan tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu: (a) memperbaiki produk dan perkhidmatan supaya memenuhi keperluan semasa dan menjangka kehendak masa depan, (b) mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini, dan (c) meningkatkan prestasi serta keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara menyeluruh. Untuk LOCUS 2.0, Borang Maklum Balas digunakan sebagai instrumen utama bagi mendapatkan pandangan dan persepsi pemegang taruh seperti industri, komuniti, dan alumni terhadap penganjuran program. Maklum balas yang diterima merangkumi aspek keberkesanan program, kualiti pengurusan, kemudahan yang disediakan, serta tahap penglibatan pelajar dan rakan kolaborasi. Laporan hasil maklum balas ini dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan KPSK untuk dibincangkan secara kolektif, bagi mengenal pasti kekuatan yang perlu dikekalkan dan kelemahan yang perlu diperbaiki. Sekiranya terdapat program atau elemen dalam LOCUS 2.0 yang dinilai kurang memberi impak positif, pihak pengurusan akan mempertimbangkan penyesuaian atau menggantikan komponen tersebut dalam edisi seterusnya. Untuk tahun 2024, maklum balas menunjukkan LOCUS 2.0 berjaya mencapai tahap kepuasan tinggi dalam kalangan peserta dan pemegang taruh, terutama dari segi pendedahan industri kepada pelajar, peluang kolaborasi strategik, dan kualiti persembahan karya kreatif. Namun begitu, terdapat cadangan penambahbaikan seperti memperluas promosi digital ke pasaran antarabangsa, menambah sesi *networking* bersama pemain industri, dan meningkatkan integrasi teknologi interaktif dalam pameran. Semua cadangan ini diambil kira dalam perancangan LOCUS edisi akan datang sebagai sebahagian daripada usaha penambahbaikan berterusan (*Continuous Improvement*) yang menjadi keutamaan KPSK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_S01_SB04_SC03_20251_Bukti 5.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_S01_SB04_SC03_20252_Bukti 5.4 Pemantauan Kenalpasti Risiko Kaji Semula.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penganjuran program pembangunan pelajar KPSK, khususnya **LOCUS 2.0 (Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase)**, telah membuka ruang inovasi melalui integrasi program akademik dengan pendekatan **Collaborative Teaching** yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTM. Melalui pendekatan ini, pensyarah yang terlibat dapat menggabungkan objektif kursus akademik dengan aktiviti pameran, bengkel, seminar, dan persembahan kreatif dalam LOCUS 2.0, sekali gus menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih dinamik dan bersifat pengalaman sebenar. Inovasi ini membolehkan pembelajaran melangkaui batas bilik kuliah, dengan pelajar mendapat peluang berinteraksi secara langsung bersama pemegang taruh luar seperti industri kreatif, alumni, dan komuniti, yang turut terlibat dalam penilaian hasil kerja pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti penaksiran kursus melalui perspektif luar, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian **Penunjuk Prestasi (PI)** lain seperti PI HEA dan PI ICAN (Jaringan Industri/Komuniti/Alumni). Dari segi pengurusan, tatakelola Standard Operating Procedure (SOP) HEP KPSK menyediakan kerangka yang jelas bagi memastikan setiap integrasi ini dilaksanakan secara sistematik, bermula daripada perancangan program, pelaksanaan, sehinggalah kepada penilaian akhir oleh panel profesional. Kejayaan LOCUS 2.0 turut diperkukuh dengan inovasi promosi dan penyampaian kandungan secara digital, yang meningkatkan capaian dan pengaruh program di dalam serta luar negara. Dalam aspek penghargaan dan pengiktirafan, pengurusan KPSK memberi pengiktirafan rasmi kepada pensyarah dan staf sokongan yang terlibat melalui surat penghargaan, sijil, serta sebutan khas dalam mesyuarat pengurusan dan platform media sosial rasmi KPSK. Selain itu, pencapaian pelajar dan staf turut diketengahkan dalam laporan tahunan serta disebarikan melalui saluran komunikasi rasmi seperti laman sesawang dan Instagram KPSK, sebagai usaha membina motivasi dan mengiktiraf sumbangan mereka terhadap kejayaan program. Integrasi inovasi PdP dan pengiktirafan sumber manusia ini membuktikan bahawa LOCUS 2.0 bukan sekadar pameran seni, tetapi platform strategik yang menghubungkan pendidikan, industri, dan komuniti untuk memacu kualiti dan kebolehpasaran graduan KPSK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0035_S01_SB05_20251_Bukti 5.1 Ringkasan Eksekutif.pdf](#)
2. [F0035_S01_SB05_20252_Bukti 5.5 Integrasi.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.
- 7.
- 8.
- 9.
- 10.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Pengajian Seni dan Kreatif (KPSK) menumpukan sepenuhnya kepada pengurusan operasi akademik, pembangunan pelajar, serta pengurusan sumber secara menyeluruh berasaskan prinsip kualiti berterusan. Selaras dengan aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University 2025*, KPSK mengamalkan pendekatan *Plan–Do–Check–Act* (PDCA) yang diperkukuh melalui prinsip ADLI (*Approach, Deployment, Learning, Integration*) dan ARTpreciation Model (*Accountability–Result–Target*).

Plan (Perancangan)

KPSK merangka program akademik yang berteraskan piawaian MQA dan kerangka OBE–SCL dengan pemetaan jelas kepada PEO, PLO dan CLO. Proses perancangan dilakukan melalui mesyuarat bersama kepimpinan, pensyarah, pelajar, alumni dan wakil industri. Elemen *engagement, inclusivity* dan *accountability* dititikberatkan bagi menjamin kesesuaian program dengan keperluan pasaran seni serta pembangunan sahsiah pelajar. Perancangan juga merangkumi strategi pembangunan insaniah melalui SULAM, latihan kepimpinan, dan kerjasama *Quadruple Helix* (universiti, industri, kerajaan, masyarakat).

Do (Pelaksanaan)

Program akademik KPSK dilaksanakan melalui kurikulum yang dinamik, siri bengkel semakan berkala, pelantikan pemeriksa luar, dan jaringan MoU/MoA dengan industri seni. Pelajar didedahkan kepada projek kesukarelawanan, inovasi, dan keusahawanan yang menyokong hasil pembelajaran. Latihan kepimpinan seperti KESATRIA, SUKSIS dan Modul Kepimpinan BHEP memperkukuh empowerment pelajar. Dari aspek sumber manusia, KPSK melaksanakan kursus pembangunan profesional, insentif kecemerlangan, serta sokongan staf akademik dan bukan akademik bagi menjamin kelestarian operasi.

Check (Pemantauan)

Pemantauan dilakukan secara menyeluruh melalui Sistem PRIME, instrumen OBE seperti SLEQ, EES, CDLCQI, KPI peperiksaan dan pemetaan PLO, serta laporan kebolehpasaran graduan KPT. Mesyuarat akademik digunakan untuk membincangkan pencapaian, isu berbangkit, dan pengurusan risiko. Penandaarasan dengan industri serta semakan kurikulum memastikan keselarasan dengan amalan terbaik. Selain itu, inovasi Indeks Kegembiraan Pelajar (RAAPII) diperkenalkan bagi menilai kesejahteraan pelajar dari aspek hubungan, pencapaian, emosi positif dan infrastruktur.

Act (Tindakan Penambahbaikan & Integrasi)

Hasil penganalisan digunakan untuk tindakan penambahbaikan proaktif seperti pengemaskinian kurikulum, pengayaan PdP, sokongan latihan staf, dan peningkatan peluang kolaborasi industri. Semua dapatan dijadikan asas pembelajaran organisasi dan dikongsi sebagai amalan terbaik. Melalui ARTpreciation Model, KPSK mengintegrasikan nilai *accountability*, pencapaian berasaskan bukti (*result*) dan sasaran jelas (*target*) dalam budaya operasi harian. Pembudayaan ini menjadikan kualiti bukan sekadar amalan, tetapi identiti organisasi yang menjamin kelestarian kecemerlangan akademik, pembangunan pelajar yang holistik, serta reputasi UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, KPSK telah berjaya mengoperasikan strategi tumpuan dengan pendekatan PDCA yang sistematik. Budaya *communication, inclusivity, empowerment, integrity* dan *risk management* diperkasa dalam setiap fasa perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. Keberkesanan ini membuktikan KPSK bukan sahaja memenuhi standard kualiti UiTM, tetapi turut meletakkan asas kukuh bagi kecemerlangan yang mampan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kolej Pengajian Seni dan Kreatif (KPSK) memberi fokus utama kepada perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan dalam operasi akademik, pengurusan sumber manusia, serta kebajikan pelajar. Pendekatan ini dilaksanakan melalui prinsip *engagement, inclusivity, communication, accountability, integrity, empowerment, delegation* dan *risk management*, yang memastikan operasi PTJ sentiasa menyokong misi UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

Dari aspek perancangan akademik, semua program di KPSK dibangunkan berdasarkan piawaian MQA dan kerangka *Outcome-Based Education – Student-Centred Learning (OBE-SCL)*. Silibus dipetakan kepada *Program Educational Objectives (PEO)*, *Program Learning Outcomes (PLO)* dan *Course Learning Outcomes (CLO)* bagi memastikan penyampaian akademik seiring keperluan industri seni. Proses perancangan turut menekankan *engagement* bersama pemegang taruh seperti pelajar, pensyarah, alumni dan wakil industri. Setiap program akademik melalui semakan menyeluruh bermula dari mesyuarat jawatankuasa akademik dalaman (AJK Akademik, JKKN, JAN, JKIKU, Senat) sehingga kelulusan LPU dan akreditasi oleh MQA. Ini mencerminkan budaya *accountability* dan *integrity* dalam memastikan kualiti program.

Dalam aspek pelaksanaan, KPSK mengutamakan komunikasi yang jelas antara pensyarah, pelajar dan pentadbir. Setiap semester, penambahbaikan kursus dilakukan melalui semakan kecil berdasarkan maklum balas pelajar dan laporan sendiri pensyarah. Bagi menjamin *inclusivity*, subjek tertentu direka untuk menghubungkan universiti dengan komuniti melalui aktiviti kesenian. Pensyarah digerakkan bukan sahaja sebagai tenaga akademik, tetapi juga sebagai pemain industri dengan sokongan program latihan profesional, kursus keusahawanan dan insentif pencapaian. Pendekatan ini memberi ruang kepada *empowerment* dan *delegation* yang menggalakkan pensyarah mengambil peranan aktif dalam membina ekosistem pembelajaran kreatif.

Dari sudut pemantauan, KPSK menekankan proses sistematik melalui pengumpulan data akademik, laporan prestasi kursus, serta rekod penilaian pelajar. Setiap dokumen disimpan, dianalisis dan digunakan semula untuk keperluan audit serta akreditasi berkala oleh MQA setiap lima tahun. Selain itu, prestasi pelajar dipantau melalui saluran wakil pelajar yang berfungsi sebagai medium communication dua hala antara pihak pengurusan dan pelajar. Pendekatan ini menepati prinsip *risk management*, di mana sebarang isu akademik, kebajikan atau pentadbiran dapat dikesan lebih awal dan diatasi secara sistematik.

Akhirnya, aspek penambahbaikan dijadikan amalan berterusan melalui sesi maklum balas, inovasi pengajaran, serta penglibatan staf dalam pelbagai badan kesenian negara. KPSK juga menitikberatkan kebajikan pelajar melalui inisiatif zakat, sumbangan in-kind, program pembangunan sahsiah, serta bimbingan khusus kepada pelajar OKU melalui kerjasama dengan UPO dan BHEP. Usaha ini menekankan nilai *inclusivity* dan *integrity* dengan memastikan tiada pelajar yang tercicir dalam aspek akademik mahupun kebajikan.

Keseluruhannya, pendekatan KPSK adalah menyeluruh dan sistematik, berteraskan ADLI. Ia menggabungkan perancangan strategik, pelaksanaan inklusif, pemantauan teliti serta penambahbaikan berterusan bagi memastikan operasi PTJ bukan sahaja memenuhi piawaian kualiti UiTM, malah membentuk persekitaran pengurusan dan pembangunan pelajar yang mampan, berdaya saing dan relevan dengan keperluan semasa industri seni negara.

SENARAI BUKTI:

1. [B0082_O01_OB02_20251_TaklimatPengiktirafanProgramAkademik.pdf](#)
2. [B0082_O01_OB02_20252_IQA01_Programme-Provisional-Accreditation-Process.pdf](#)
3. [B0082_O01_OB02_20253_IQA02_Programme-Full-Accreditation-Process.pdf](#)

4. [B0082_001_OB02_20257_Operation Excellence - Assistant Vice Chancellor with the Members of CCA 4.2.2022.pdf](#)
5. [B0082_001_OB02_20255_One stop centre website.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

KPSK melaksanakan strategi operasi berlandaskan matlamat utama untuk melahirkan graduan bumiputera profesional yang berkemahiran tinggi dalam bidang seni, selari dengan aspirasi *Globally Renowned University 2025*. Pelaksanaan ini disokong oleh tiga elemen utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikan, dengan penekanan terhadap *engagement, inclusivity, communication, accountability, integrity, empowerment, delegation* dan *risk management* dalam setiap lapisan operasi.

Dari aspek perancangan pelaksanaan, setiap program akademik yang berpotensi telah dikenalkan melalui mesyuarat pengajian yang melibatkan kepimpinan tertinggi, pensyarah, wakil industri dan pelajar. Delegasi tugas diberikan secara teliti agar setiap ahli jawatankuasa bertanggungjawab terhadap hasil kerja, sekali gus memperkukuh budaya *accountability* dan integriti. KPSK menekankan penglibatan aktif pelajar melalui program promosi akademik seperti Misi Akademik dan Ekspo Selangkah ke UiTM, serta menggunakan media arus perdana sebagai platform komunikasi. Langkah ini memastikan keterlibatan pelajar dalam memperkukuh *engagement* dan membina keyakinan mereka sebagai duta akademik KPSK.

Dari segi pelaksanaan kurikulum, KPSK mematuhi keperluan MQA dengan menganjurkan siri bengkel semakan kurikulum secara berkala. Kehadiran pensyarah yang juga merupakan panel MQA memberi nilai tambah dalam proses ini. Pelantikan pemeriksa luar industri dan akademik, serta penganjuran lawatan penanda aras, menjadi mekanisme kawalan kualiti yang jelas. Selain itu, jaringan MoU dan MoA bersama industri seni negara membuktikan komitmen KPSK dalam melaksanakan operasi berasaskan *collaborative engagement* serta mengurangkan risiko ketinggalan dari segi keperluan pasaran.

Pelaksanaan program pelajar pula diperkaya dengan projek SULAM yang mengintegrasikan sukarelawan, inovasi, kebajikan, dan keusahawanan. Projek ini dirangka agar selari dengan hasil pembelajaran kursus, melatih pelajar berfikir secara kritikal sambil menyumbang kepada masyarakat. *Inclusivity* diperkukuh melalui penyertaan pelbagai lapisan pelajar tanpa diskriminasi termasuk mereka yang berbeza latar belakang sosioekonomi. Hubungan rapat dengan industri turut membolehkan pelajar menyertai projek seni profesional, memperkukuh *empowerment* melalui pengalaman sebenar.

Bagi pembangunan insaniah, KPSK melaksanakan latihan kepimpinan berstruktur seperti KESATRIA, SUKSIS, bengkel kecemerlangan serta Modul Kepimpinan di bawah kendalian BHEF. Latihan ini direka bentuk untuk melahirkan pemimpin pelajar berintegriti, berdaya saing dan mampu mendepani cabaran global. Dalam konteks *risk management*, latihan ini juga membekalkan kemahiran membuat keputusan dalam situasi kritikal, seterusnya mengurangkan risiko kegagalan kepimpinan pelajar. Tambahan pula, kerjasama dengan pelbagai entiti dalam UiTM termasuk PJIM&A, kolej kediaman, fakulti, UHEI dan HEP memperkukuh pelaksanaan melalui pendekatan *Quadruple Helix Engagement Model*.

KPSK turut memperluaskan peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan persatuan dalaman melalui program seperti Kem Teraju Mahasiswa. Program ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran komunikasi dan kepimpinan, tetapi juga memberi ruang kepada pelajar untuk berperanan dalam membuat keputusan serta menyumbang idea penambahbaikan terhadap operasi akademik dan kebajikan. Pendekatan ini menzahirkan budaya *delegation* yang berkesan, dengan penglibatan langsung pelajar dalam struktur operasi kolej pengajian.

Secara keseluruhannya, *deployment* di KPSK menekankan keseimbangan antara struktur formal dan keterlibatan komuniti. Melalui pelaksanaan strategik yang inklusif, komunikasi berkesan, delegasi tanggungjawab yang jelas, serta mekanisme pengurusan risiko yang sistematik, KPSK berjaya mengintegrasikan matlamat akademik, pembangunan pelajar, dan hubungan industri. Ini memperlihatkan bagaimana operasi PTJ digerakkan secara menyeluruh untuk mencapai kecemerlangan dan kelestarian jangka panjang.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_O01_OB03_20251_BUKU_PELAN_PERANCANGAN_STRATEGIK_HEP_2020-2025.r](#)
2. [B0082_O01_OB03_20252_SOP_Kelulusan_Aktiviti.pdf](#)
3. [B0082_O01_OB03_20253_mpp.pdf](#)
4. [B0082_O01_OB03_20254_CLUBS & SOCIETY KPSK.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pelaksanaan operasi KPSK dilaksanakan secara menyeluruh melalui kelulusan ketua PTJ dan pembentangan pelaporan dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi. Setiap program wajib mendapat kelulusan awal bagi menjamin kesesuaian, keberkesanan dan keselarasan dengan objektif pengurusan serta pembangunan pelajar. Proses ini membolehkan pencapaian, isu berbangkit dan aspek pengurusan risiko dibincangkan, sekali gus memastikan tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara accountable dan berterusan.

Fokus utama pemantauan akademik adalah berdasarkan prinsip *Outcome-Based Education* (OBE), yang menekankan pengukuran hasil pembelajaran. Pemantauan dilaksanakan melalui instrumen seperti SLEQ, EES, CDLCQI dan pencapaian enam KPI peperiksaan, dengan analisis kumulatif terhadap pencapaian PLO setiap semester dan pada akhir kohort. Kaedah ini membolehkan KPSK menilai tahap penguasaan pelajar, mengenal pasti jurang prestasi dan memastikan keberkesanan proses PdP selari dengan standard MQA.

Selain itu, semakan kurikulum berkala serta penandaarasan bersama industri dan institusi luar dilaksanakan untuk menjamin program akademik kekal relevan dan setanding dengan amalan terbaik. Tinjauan kebolehpasaran graduan oleh KPT turut dijadikan indikator keberkesanan, dengan hasil jangkaan bahawa graduan KPSK akan lebih berdaya saing di pasaran kerja.

Dari aspek pengurusan sumber, pemantauan pelaksanaan menggunakan Sistem PRIME yang menilai keberkesanan penggunaan sumber manusia, di samping pemantauan aktiviti pelajar oleh HEP yang memastikan semua program selaras dengan matlamat UiTM dan memberi nilai tambah kepada pembangunan insaniah pelajar.

KPSK turut memperkenalkan inovasi Indeks Kegembiraan Pelajar KPSK berasaskan Model RAAPIL (*Relationship, Achievement, Academic Environment, Positive Emotion, Involvement, Infrastructure*). Melalui model ini, kekuatan dan kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan dapat dikenal pasti secara sistematik, sekaligus meningkatkan *engagement*, mengoptimumkan pengalaman pelajar dan menjamin kelestarian pencapaian jangka panjang.

Secara keseluruhannya, mekanisme pemantauan ini memastikan operasi KPSK berlandaskan prinsip *communication, accountability, inclusivity* dan *risk management*, dengan hasil jangkaan untuk mengekalkan kecemerlangan akademik, pembangunan pelajar yang holistik, serta reputasi KPSK sebagai pusat pengajian seni terkemuka negara.

SENARAI BUKTI:

1. [B0082_O01_OB04_OC01_20251_KERTAS KERJA LOCUS.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di KPSK dilaksanakan secara sistematik berasaskan konsep ADLI bagi menjamin keberkesanan operasi akademik dan pembangunan pelajar. Risiko dikenal pasti sejak peringkat perancangan (*Approach*) melalui analisis keperluan program, penilaian piawaian MQA, serta konsultasi bersama pemegang taruh. Setiap program dan aktiviti diteliti untuk mengenal pasti potensi risiko seperti ketidakpatuhan standard, kekangan sumber manusia, kebajikan pelajar, atau kegagalan mencapai hasil pembelajaran.

Dalam fasa pelaksanaan (*Deployment*), risiko ditangani melalui kawalan dalaman yang jelas seperti garis panduan akademik, delegasi tugas yang teratur, serta pemantauan melalui Sistem PRIME dan mekanisme laporan berkala. Risiko berkaitan kebajikan pelajar pula ditangani dengan menyediakan akses kepada Unit Pengurusan OKU (UPO), tabung zakat, dan pelbagai program bantuan insaniah. Langkah ini membina budaya *inclusivity*, *accountability* dan *empowerment* dalam komuniti KPSK.

Proses pembelajaran (*Learning*) dilaksanakan melalui semakan berterusan terhadap isu berbangkit dalam mesyuarat akademik, laporan audit MQA, serta hasil penilaian pelajar (SLEQ, EES, CDLCQI). Setiap kelemahan dijadikan peluang pembelajaran untuk menambah baik kawalan risiko. Sebagai contoh, jika berlaku penurunan pencapaian pelajar dalam sesuatu PLO, tindakan segera diambil dengan menyesuaikan pendekatan PdP atau menyediakan latihan tambahan kepada pensyarah.

Akhir sekali, integrasi (*Integration*) pengurusan risiko dijalankan melalui pendekatan menyeluruh antara akademik, pentadbiran dan kebajikan pelajar. Model RAAPII digunakan sebagai alat inovatif untuk mengukur kesejahteraan pelajar dari aspek hubungan, pencapaian, emosi positif dan infrastruktur, sekaligus mengesan risiko psikososial yang mungkin menjejaskan prestasi akademik. Hasil penilaian ini diintegrasikan dalam pelan strategik KPSK agar keberkesanan operasi sentiasa ditambah baik dan selari dengan matlamat UiTM 2025.

Secara keseluruhannya, pendekatan pengurusan risiko KPSK menekankan *communication*, *accountability* dan *risk management* dalam setiap peringkat operasi. Ini memastikan risiko bukan sahaja ditangani secara reaktif, tetapi diurus secara proaktif, menyeluruh dan berterusan bagi menjamin kelestarian pencapaian akademik serta kesejahteraan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_O01_OB04_OC02_20251_SURAT KELULUSAN LOCUS 20244 \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan terhadap operasi KPSK menjadi asas kepada tindakan penambahbaikan yang berterusan. Pendekatan ini berlandaskan konsep ADLI bagi memastikan keberkesanan operasi dalam bidang akademik, pengurusan sumber dan pembangunan pelajar sentiasa relevan serta selaras dengan aspirasi *Globally Renowned University 2025*.

Dalam aspek *Approach*, data yang dikumpul daripada instrumen seperti SLEQ, EES, CDLCQI, laporan akreditasi MQA dan tinjauan kebolehpasaran graduan dijadikan rujukan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program. Analisis ini membolehkan KPSK menilai sejauh mana objektif pengajaran, pembelajaran dan kebajikan pelajar dicapai.

Seterusnya, dari sudut *Deployment*, penambahbaikan dilaksanakan melalui pengemaskinian kurikulum, penyusunan semula strategi PdP, serta pelaksanaan latihan tambahan kepada pensyarah dan staf sokongan. Penambahbaikan juga merangkumi pengukuhan kolaborasi industri melalui MoU/MoA, memperluas peluang latihan industri pelajar, serta memperkukuh budaya engagement dan communication dengan semua pemegang taruh.

Dalam Learning, setiap kelemahan yang dikenalpasti dijadikan asas pembelajaran organisasi. Contohnya, sekiranya berlaku jurang dalam pencapaian PLO, kursus tertentu diperbaiki dengan kaedah pengajaran lebih interaktif dan sokongan pembelajaran tambahan. Hasil analisis keberkesanan juga digunakan untuk membina best practices yang boleh dikongsi di peringkat fakulti dan universiti.

Akhirnya, melalui Integration, KPSK menggabungkan penambahbaikan ini dalam pelan strategik jangka panjang. Inovasi seperti Indeks Kegembiraan Pelajar KPSK berasaskan RAAPII dimanfaatkan bagi memantau aspek kesejahteraan dan pengalaman pelajar secara holistik. Hasilnya, tindakan penambahbaikan bukan sahaja memberi kesan jangka pendek, tetapi menjamin kelestarian pencapaian akademik, pembangunan sahsiah pelajar dan kecekapan pengurusan sumber secara berterusan.

Secara keseluruhannya, tindakan penambahbaikan KPSK bersifat proaktif, inklusif dan bersepadu, dengan penekanan kepada *accountability, inclusivity, empowerment* dan *risk management*. Pendekatan ini memastikan setiap hasil penganalisaan operasi diterjemah kepada strategi baharu yang mampu meningkatkan daya saing dan reputasi UiTM di peringkat nasional serta antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_O01_OB04_OC03_20251_Leaders of Creative Arts Undergraduate Student LOCUS.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan di KPSK terbina hasil daripada pelaksanaan tindakan penambahbaikan berterusan yang berlandaskan prinsip ADLI serta selaras dengan ARTpreciation Model (CCA 2025). Proses integrasi ini memastikan setiap strategi bukan sahaja dilaksanakan, tetapi menjadi budaya kerja harian yang mengakar dalam pengurusan akademik, pembangunan pelajar, serta operasi sumber manusia.

Dari sudut *accountability*, budaya pertanggungjawaban telah berjaya diterapkan melalui amalan mesyuarat berkala, kelulusan ketua PTJ, dan pelaporan sistematik menggunakan Sistem PRIME. Setiap staf akademik dan sokongan didedahkan kepada prinsip *delegation*, *communication* dan *empowerment*, yang menjadikan proses kawalan kualiti sebagai sebahagian daripada rutin. Ini melahirkan budaya kerja yang telus dan berintegriti, serta membina kepercayaan antara pengurusan, staf dan pelajar.

Dalam aspek *result*, budaya berfokuskan pencapaian dibudayakan melalui amalan penilaian berasaskan bukti. Instrumen seperti SLEQ, EES, CDLCQI, KPI peperiksaan, PLO mapping serta Indeks Kegembiraan Pelajar (RAAPII) dijadikan alat pemantauan berkala. Keputusan daripada instrumen ini bukan sekadar laporan, tetapi dimanfaatkan sebagai asas untuk menambah baik kurikulum, pedagogi dan kebajikan pelajar. Hasilnya, wujud pembudayaan continuous improvement yang menjadikan penilaian prestasi sebagai budaya organisasi, bukan lagi sekadar keperluan pematuhan.

Bagi komponen target, KPSK berjaya mengintegrasikan sasaran yang jelas dengan hala tuju UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University 2025*. Penetapan sasaran pembangunan pelajar bukan sahaja menekankan pencapaian akademik, tetapi juga sahsiah, kepimpinan dan keterlibatan komuniti. Program SULAM, latihan kepimpinan, serta kerjasama industri yang dilaksanakan kini menjadi benchmark practice, di mana setiap tindakan pelajar dilihat sebagai sebahagian daripada agenda strategik universiti.

Integrasi ini seterusnya membentuk budaya *Quadruple Helix Engagement Model* (kerjasama universiti, industri, kerajaan, masyarakat) yang memperkukuh hubungan KPSK dengan ekosistem luar. Kolaborasi ini bukan sekadar projek *ad hoc*, tetapi kini telah menjadi budaya operasi yang mengukuhkan *engagement*, *inclusivity* dan *risk management* dalam semua peringkat pengurusan.

Secara keseluruhannya, tahap pembudayaan hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan telah mengukuhkan ARTpreciation Model sebagai amalan operasi harian. *Accountability* dijelmakan melalui pertanggungjawaban bersama, Result melalui pemantauan berasaskan bukti dan keberhasilan yang boleh diukur, manakala Target melalui penetapan sasaran strategik yang selaras dengan misi universiti. Integrasi ini menjamin kelestarian pencapaian KPSK, sekali gus membentuk budaya organisasi yang progresif, inklusif dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [B0082_O01_OB05_20251_LAPORAN AKHIR LOCUS.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Bahagian ini membincangkan analisis dan pengukuran hasil bagi **Bidang Tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** bagi program **LOCUS 2.0** KSPK yang bertunjangkan **model ARTpreciation**. Perbincangan mencakupi hasil pencapaian tahap, tren, perbandingan dan kepentingan bagi **Hasil Utama 1: Pelaksanaan Strategi**.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) telah memilih Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sebagai bidang tumpuan utama bagi laporan ini melalui program tahunan **Leadership of Creative Arts Undergraduate Showcase (LOCUS)**. LOCUS berperanan sebagai platform strategik untuk menilai pencapaian pelajar semester akhir, mengetengahkan bakat kreatif, serta membina jalinan kerjasama dengan alumni, komuniti, dan pihak industri.

Sejak penubuhan rasminya pada 3 Februari 2022, KPSK yang merupakan gabungan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), Fakulti Filem, Teater & Animasi (FiTA), dan Fakulti Muzik (MU) telah memperlihatkan kekuatan sinergi dalam melaksanakan pelbagai inisiatif akademik dan kokurikulum. **Gabungan kepakaran** ini menjadi tonggak utama kepada usaha untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, kreatif, dan memiliki daya kepimpinan yang seimbang antara ilmu, kemahiran, dan nilai.

Selaras dengan **pelan strategik Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)** yang memacu Transformasi Mahasiswa UiTM (TAMU) ke arah pencapaian Global Renowned University 2025 (GRU2025), pelbagai program pembangunan telah dirangka dan dilaksanakan. Bagi KPSK, pelaksanaan LOCUS bukan sahaja memenuhi aspirasi tersebut malah menyumbang kepada pencapaian **Petunjuk Prestasi (PI)** yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Melalui pendekatan holistik, LOCUS telah berjaya mencapai tahap keberhasilan yang signifikan, antaranya dari aspek pengukuhan kebolehpasaran graduan, peningkatan keterlibatan industri, serta pendedahan pelajar kepada ekosistem seni yang lebih luas.

Keberhasilan LOCUS juga didorong oleh **komitmen tenaga akademik dan pentadbiran** yang berperanan bukan sahaja sebagai pendidik, tetapi juga sebagai fasilitator pembangunan sahsiah, kepimpinan, dan keusahawanan pelajar. Penglibatan alumni serta jaringan kerjasama dengan pihak industri memberi nilai tambah kepada program ini, menjadikan KPSK sebagai peneraju dalam memperkukuhkan ekosistem seni kreatif di peringkat universiti, kebangsaan, dan antarabangsa. Misi KPSK untuk menyediakan pelajar dengan penglibatan secara global sebagai praktis, pendidik, pencipta, penyokong, dan penaung seni turut dizahirkan melalui LOCUS yang menyatukan aspek akademik dengan pembangunan pelajar. Dengan strategi yang terancang, KPSK memastikan setiap program yang dilaksanakan memberi impak kepada pembentukan graduan yang seimbang, memiliki keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif, serta mampu mengadaptasi perubahan global.

Dari perspektif **perancangan strategik HEP**, LOCUS turut menjadi instrumen penting dalam mengukur pencapaian **Petunjuk Prestasi (PI)** yang berkaitan dengan pembangunan pelajar. Antara indikator utama yang dicapai termasuk peningkatan tahap penglibatan industri, perluasan jaringan kerjasama antarabangsa, serta pengukuhan kebolehpasaran graduan. Setiap aspek ini dipantau secara berterusan melalui mekanisme laporan prestasi yang berstruktur, bagi memastikan program ini selari dengan hala tuju universiti dan kekal relevan dalam memenuhi keperluan semasa. Pendekatan ini memberi nilai tambah kepada pelajar serta memposisikan KPSK sebagai pusat kecemerlangan seni kreatif yang bermutu.

Dalam masa yang sama, **pengurusan risiko** turut diberi perhatian dalam pelaksanaan LOCUS bagi menjamin kelangsungan program secara mampan. Risiko seperti kekangan kewangan, tahap penyertaan pelajar, atau perubahan landskap industri seni ditangani melalui strategi

mitigasi yang rapi, termasuk pengukuhan sokongan alumni, jalinan dengan pihak swasta, serta adaptasi terhadap teknologi digital.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan LOCUS sebagai inisiatif utama dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar telah membuktikan **keberkesanan strategi KPSK** dalam mendukung agenda universiti. Kejayaan ini memperkukuh kedudukan KPSK sebagai pusat kecemerlangan seni kreatif, selaras dengan aspirasi UiTM untuk melahirkan graduan berkualiti tinggi, berdaya saing global, serta menjadi agen perubahan positif dalam komuniti dan industri.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_B0082_HB02_20251_Hasil Utama 1_Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_B0082_HB03_20252_Hasil Utama 1_Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_B0082_HB04_20253_H1_B0082_HB02_20251_AKNC 2025_Hasil Utama 1_Perbandingan_Tanda Aras.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_B0082_HB05_20254_H1_B0082_HB02_20251_AKNC 2025_Hasil Utama 1_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Bahagian ini membincangkan analisis dan pengukuran hasil bagi Bidang Tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar bagi program *Leaders of Creative Arts Undergraduate Students* (LOCUS) KPSK, yang bertunjangkan model *ARTpreciation*. Perbincangan mencakupi hasil pencapaian tahap, tren, perbandingan dan kepentingan bagi Hasil Utama 3: Operasi.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan pencapaian hasil operasi Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA bagi tahun 2024 menekankan kejayaan penganjuran LOCUS, iaitu pameran akhir pelajar yang menjadi wadah penting dalam memperlihatkan pencapaian akademik, kreativiti, dan potensi graduan dalam bidang seni serta industri kreatif. Pameran ini bukan sahaja menampilkan hasil kerja pelajar, tetapi turut menjadi cerminan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh KPSK sepanjang tempoh pengajian. LOCUS telah berkembang menjadi salah satu acara akademik berprofil tinggi UiTM yang menzahirkan kekuatan kurikulum, kepakaran pensyarah, serta daya cipta pelajar dalam menghasilkan karya berkualiti tinggi.

Analisa hasil dari operasi akan menggunakan model *ARTpreciation* (FSSR, FiT, FM, 2025) yang mana membawa kepada analisis operasi yang sistematik, efisien dan optimum dengan menyasarkan akauntabiliti (A - accountability), hasil (R – result) dan sasaran (T – target), ke arah operasi yang Lestari (*..preciation*). Ini dilihat dari segi impak positif yang besar kepada penjenamaan UiTM, khususnya KPSK, sebagai institusi peneraju pendidikan seni kreatif di Malaysia. Sokongan dan pengiktirafan daripada pelbagai pihak industri serta liputan media telah memperkukuh reputasi universiti sebagai pusat rujukan dalam melahirkan bakat baharu yang bukan sahaja berdaya saing, malah mampu memenuhi keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa. Melalui pameran ini juga, UiTM berjaya menegaskan kedudukannya sebagai universiti yang komited terhadap pembangunan bakat kreatif secara menyeluruh dan berterusan.

LOCUS pada masa yang sama membuktikan keberkesanan strategi pembangunan holistik pelajar yang diterapkan oleh KPSK. Selain menghasilkan karya kreatif yang bermutu tinggi, pelajar turut diberi kepercayaan dan ruang untuk merancang, menyelaras, dan melaksanakan keseluruhan pameran. Tanggungjawab ini memberi pengalaman berharga dalam aspek kepimpinan, pengurusan acara, komunikasi, dan kerja berpasukan, sekali gus melengkapkan pelajar dengan kemahiran insaniah yang kritikal dalam dunia pekerjaan sebenar. Peluang seperti ini mengukuhkan lagi keyakinan pelajar terhadap kebolehan mereka untuk bersaing dan menyesuaikan diri dengan pelbagai cabaran yang mendatang.

Lebih penting lagi, LOCUS memperlihatkan tren positif dalam pencapaian hasil operasi KPSK. Dari sudut perancangan, program ini dilaksanakan secara sistematik dengan penetapan sasaran yang jelas, pengurusan sumber yang cekap, serta penyusunan strategi yang rapi dan terarah. Dari aspek pelaksanaan pula, pendekatan proaktif terserlah melalui komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh pelajar dan pensyarah dalam memastikan kelancaran program, termasuk kemampuan menyesuaikan pelbagai aktiviti mengikut keperluan semasa. Aspek penambahbaikan yang berterusan juga dititikberatkan, dengan setiap penganjuran LOCUS dinilai secara menyeluruh untuk mengumpul maklum balas, mengkaji keberkesanan, serta merangka strategi baharu yang lebih lestari dan inovatif untuk masa hadapan.

Secara keseluruhannya, pencapaian LOCUS pada tahun 2024 jelas mencerminkan keberhasilan KPSK dalam melaksanakan hasil operasi yang mampan dan berkualiti tinggi. Pameran ini bukan sekadar acara akhir pelajar, tetapi juga menjadi simbol keberkesanan ekosistem pendidikan kreatif UiTM yang berteraskan inovasi, jaringan industri, dan

pembangunan berteknologi dengan tujuan ESG, serta terus meningkatkan upaya untuk melahirkan lulusan yang kreatif, inovatif, berdaya tahan, serta berdaya saing di peringkat global, sekaligus menyumbang secara signifikan kepada pembangunan industri kreatif negara.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_B0082_HB02_20251_H2_HB02_20251_TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_B0082_HB03_20252_Hasil Utama 2_Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_B0082_HB04_20253_Hasil Utama 2_PERBANDINGAN TANDA ARAS.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_B0082_HB05_20254_Hasil Utama 2_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Bahagian ini membincangkan analisis dan pengukuran hasil bagi **Bidang Tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** bagi program **LOCUS 2.0** yang bertunjangan **model ARTpreciation**. Perbincangan mencakupi hasil pencapaian tahap, tren, perbandingan dan kepentingan bagi **Hasil Utama 2: Tumpuan Sumber Manusia**.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan projek pameran di peringkat fakulti bukan sahaja berfungsi sebagai wadah pameran hasil kerja pelajar dan penyelidik, tetapi juga sebagai asas pembangunan sumber manusia kolej. Data hasil diambil dari laporan akhir program pameran *flagship* KPSK iaitu **LOCUS 1.0** pada Julai 2023 dan **LOCUS 2.0** pada Julai 2024. Manakala pada awal tahun 2023 pula, rujukan diambil dari program **CAAD Open Day** dan **DIA FEST** disebabkan struktur dan objektif yang serupa. Program ini direka untuk **mempamerkan semua hasil pembelajaran** bidang-bidang ditawarkan di dalam kolej dan bertujuan **memupuk kerjasama pelbagai bidang** di bawah objektif **pengurusan dan pembangunan pelajar berlandaskan model ARTpreciation**. Kejayaan pameran banyak bergantung kepada kecekapan pengurusan sumber manusia yang terdiri daripada gabungan kakitangan akademik, pentadbiran dan juga pelajar itu sendiri. Analisis pencapaian program dapat dilihat melalui empat aspek utama iaitu **tahap, tren, perbandingan penanda aras, dan kepentingan**.

Tahap pencapaian hasil menunjukkan keberkesanan pengurusan sumber manusia dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. Komitmen tenaga kerja berjaya dipenuhi dengan penglibatan yang tinggi daripada kakitangan akademik dan pentadbiran yang membimbing pelajar dalam pelbagai aspek organisasi. Pelajar telah mencapai tahap kecekapan yang diharapkan melalui latihan praktikal yang meliputi komunikasi profesional, pengurusan masa dan pengurusan logistik. Lebih penting lagi, sasaran membangunkan kemahiran insaniah pelajar seperti kepimpinan, kerja berpasukan dan penyelesaian masalah telah berjaya direalisasikan melalui jenis capaian program mendapat **hasil ketampakan pada peringkat nasional dan antarabangsa**.

Dari segi **trend pencapaian**, terdapat perkembangan positif yang konsisten sepanjang beberapa siri pameran. Tahap **penglibatan kakitangan akademik dan pentadbiran naik dari semester ke semester dalam memberi sokongan dan latihan untuk pelajar mengambil peranan aktif dalam pengurusan projek**. Peningkatan keterlibatan staf dalam membimbing pelajar melalui pendekatan lebih berstruktur dilihat melalui pertambahan bilangan jawatankuasa khusus. Masalah utama seperti pengurusan masa dan konflik dalaman pelajar semakin berkurangan selepas beberapa siri pelaksanaan, manakala kualiti dokumentasi pelajar seperti laporan, portfolio dan rekod projek bertambah baik. Tren ini membuktikan bahawa proses pengendalian pameran telah memberi ruang kepada pembelajaran berterusan yang meningkatkan kualiti kerja dari semasa ke semasa.

Aspek **perbandingan penanda aras** juga mengesahkan kedudukan pengurusan pameran di fakulti ini. Di peringkat dalaman UiTM, pencapaian pelajar dalam menguruskan pameran adalah setara, malah dalam beberapa aspek lebih cemerlang berbanding fakulti lain dari segi **bilangan bidang terlibat** dalam penganjuran acara dan **capaian penonton**. Di peringkat kebangsaan, pengurusan pameran yang melibatkan pelajar menunjukkan keselarasan dengan piawaian industri kreatif tempatan, termasuk dalam aspek kurasi, promosi dan pelaksanaan acara. Walaupun di peringkat antarabangsa masih dalam fasa awal, namun model pelaksanaan program menunjukkan potensi besar untuk pembangunan rangkaian global pada masa hadapan.

Akhir sekali, **kepentingan** keputusan utama ini dapat dilihat pada pelbagai peringkat

berkatannya dalam mencapai tujuan melalui pelaksanaan di peringkat jabatan, reputasi meningkat kerana berjaya melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai kepakaran akademik, tetapi juga kecekapan dalam pengurusan acara dan kepimpinan. Di peringkat universiti, pencapaian ini menyokong agenda UiTM dalam memperkasakan kebolehpasaran graduan melalui pengalaman praktikal. Di peringkat kebangsaan, ia menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berdaya saing dalam industri kreatif dan pengurusan acara. Sementara itu, pada skala antarabangsa, ia membuka ruang untuk kerjasama dan pertukaran pengalaman melalui rangkaian merentas negara.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_B0082_HB02_20251_HASIL OPERASI - TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_B0082_HB03_20252_Hasil Utama 3_HASIL OPERASI - TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_B0082_HB04_20253_HASIL OPERASI - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_B0082_HB05_20254_HASIL OPERASI - KEPENTINGAN.pdf](#)